

**Jilid I**  
**Bil. 16**



**Hari Rabu**  
**27hb November, 1974**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 1413]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 1423]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 1423]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

---

Hari Rabu, 27hb November, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).  
 „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).  
 „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).  
 „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).  
 „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).  
 „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).  
 „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).  
 „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).  
 „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).  
 „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).  
 „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).  
 „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).  
 „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).  
 „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).  
 „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).  
 „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).  
 „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).  
 „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).  
 „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).  
 „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).  
 „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).  
 „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).  
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).  
 „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).  
 „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).  
 „ TUAN LUHAT WAN (Baram).  
 „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).  
 „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).  
 „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).  
 „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).  
 „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).  
 „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).  
 „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).  
 „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).  
 „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).  
 „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).  
 „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).  
 „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).  
 „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN Oo GIN SUN (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar SibU).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- ” TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- ” Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).

**YANG HADIR BERSAMA:**

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik)

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/ Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### DAFTAR PENGUNDI— KEHILANGAN NAMA

**1. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada dengan terkeluarnya 250,000 atau lebih rakyat Malaysia yang berhak mengundi dari daftar pengundi, adalah kelalaian yang tidak bertanggungjawab dan salah amalan, samada satu suruhanjaya penyiasat bebas akan diadakan bagi menentukan perkara ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang hampir sama pada 6hb November, 1974.

#### SEKIM PERKHIDMATAN DAN PERUNDANGAN

**2. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kementerian beliau akan mengkaji semula sekim gaji dan syarat-syarat pekerjaan Majistret, memandangkan hakikat bahawa sebilangan Majistret meninggalkan Perkhidmatan Kehakiman kerana keadaan pekerjaan yang buruk dan gaji yang rendah.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Sekim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telahpun dikaji semula oleh Kerajaan pada tahun 1973 dengan tujuan ia setaraf dengan sekim-sekim perkhidmatan yang lain dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas. Hasil dari kajian itu satu tingkatan yang dipanggil Tingkatan Kanan (Tanggagaji \$1,500 × 100-1,900) telah diwujudkan dalam sekim tersebut dengan tujuan memberi peluang kenaikan pangkat jangka pendek kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat.

Selaras dengan kelulusan sekim baru itu yang dikuatkuasakan dalam bulan Jun 1973, sebanyak 32 jawatan Tingkatan Biasa (15 Pegawai Kehakiman dan 17 Pegawai Perundangan) telah dinaikkan tarafnya kepada

Tingkatan Kanan dan sebilangan pegawai-pegawai yang sama telahpun dinaikkan pangkat untuk memangku jawatan-jawatan tersebut mulai bulan November, 1973. Di samping itu 2 jawatan baru di peringkat Tingkatan Tertinggi "E" bagi Pegawai Kehakiman dan 1 jawatan di peringkat Tingkatan Tertinggi "F" serta 2 jawatan di peringkat Tingkatan Kanan bagi Pegawai Perundangan telah diwujudkan dalam tahun ini.

Oleh yang demikian, tidaklah benar bagi Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa syarat-syarat perkhidmatan Majistret adalah buruk dan gaji mereka rendah kerana kedudukan mereka sekarang adalah setanding dengan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas yang lain. Saya tidak menafikan ada pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telah meletakkan jawatan, tetapi keadaan seumpama ini pada hakikatnya sering berlaku di dalam mana-mana perkhidmatan pun kerana mereka adalah bebas berbuat demikian atas apa-apa sebab samada sebab peribadi atau sebab-sebab yang lain.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan sekim-sekim yang telah diwujudkan oleh Kerajaan. Adakah beliau sedar bahawa pada masa sekarang ada kekurangan Majistret di seluruh tanahair kita. Dan selain daripada sekim-sekim dan langkah-langkah yang disebutkan tadi, adakah apa-apa langkah lagi Kerajaan akan ambil supaya kita boleh mengatasi kekurangan Majistret ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada kekurangan, akan tetapi perkara ini tidak dapat dielakkan. Setengah-setengah daripada pegawai-pegawai ini berhenti kerana mendapat jawatan-jawatan yang mempunyai gaji yang lebih tinggi dalam swasta. Oleh itu, Kerajaan terpaksa melatih dan memberi scholarship-scholarship yang lebih lagi untuk mendapatkan pegawai-pegawai baharu untuk menggantikan tempat-tempat itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar satu daripada langkah yang Kerajaan boleh ambil ialah memperluaskan atau menambah lagi

tempat dalam Fakulti Undang-undang Universiti Malaya. Kalau tempat-tempat itu ditambahkan di masa yang akan datang boleh mengeluarkan lebih banyak lagi mereka yang berkelulusan undang-undang dari Fakulti tersebut dan mereka boleh masuk Perkhidmatan Perundangan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu boleh ditimbangkan.

### SURUHANJAYA HARGA MINYAK

**3. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan membentuk satu Suruhanjaya Harga Minyak untuk mengkaji harga minyak di semua peringkat, kalau tidak, kenapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada rancangan Kerajaan untuk membentuk sebuah Suruhanjaya Harga Minyak bagi mengkaji harga minyak di semua peringkat kerana satu Jawatankuasa rasmi atau peringkat pegawai-pegawai mengenai harga minyak yang terdiri dari wakil-wakil Kementerian yang berkenaan telahpun diadakan. Jawatankuasa tersebut telah menjalankan kerjanya sehingga ini dengan efektif untuk mengkaji harga minyak bila sahaja permintaan dari syarikat-syarikat minyak diterima untuk kenaikan harga minyak. Jawatankuasa ini akan terus menjalankan tugasnya di bawah arahan saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal petroleum di bawah Akta Kemajuan Petroleum, 1974.

### SOALAN NO. 4 DAN NO. 5 DITARIK BALIK

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah diberi faham bahawa Yang Berhormat Tuan Ngan Siong Hing telah menarik balik pertanyaan No. 4 No. 5.

### ASKAR WATANIAH—SUKARELAWAN

**6. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(a) samada Kerajaan memberi sebarang bayaran saguhati atau bonos, atau memberi sebarang surat penghargaan, kepada anggota-anggota sukarela dalam Askar Wataniah yang berhenti dari perkhidmatan mereka; dan

(b) samada anggota-anggota sukarela Askar Wataniah itu yang telah dikerah berkhidmat penuh masa di antara tahun-tahun 1969 hingga 1972 dan telah tamat kerahan itu semuanya telah dibayar tunggakan mengikut pelaksanaan gaji baru Angkatan Tentera.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan sekarang, sukarelawan Askar Wataniah yang tidak dikerah berkhidmat sepenuh masa tidak dibayar wang saguhati atau bonos apabila tamat perkhidmatan mereka. Tetapi mereka yang dikerah berkhidmat sepenuh masa adalah mendapat bayaran seperti itu.

Anggota-anggota sukarela lain pangkat yang berhenti dari Askar Wataniah adalah diberi sijil berhenti. Anggota-anggota Askar Wataniah yang berhenti daripada kerahan berkhidmat sepenuh masa adalah diberi surat penghargaan oleh Kementerian Pertahanan.

Berkenaan gaji baru pula, sekim gaji baru Angkatan Tentera telah dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1970. Anggota-anggota Askar Wataniah yang berada dalam kerahan berkhidmat sepenuh masa semenjak tarikh itu adalah berhak menerima kadar gaji mengikut sekim gaji baru. Hampir semua tunggakan (arrears) telah dibayar kepada mereka yang layak menerimanya. Anggota-anggota yang masih belum menerimanya hanyalah mereka yang tidak dapat dihubungi kerana mereka telah berhenti atau mereka yang tidak mengisi dengan betul borang-borang yang diperlukan. Pembayaran arrears ini kepada mereka yang masih belum menerimanya adalah masih berjalan sekarang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri Pertahanan menjelaskan bahawa selain daripada bayaran saguhati atau bonos, adakah Mindef membayar drill allowance kepada anggota-anggota Askar Wataniah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara itu perkara lain, tidak bersangkutan dengan soalan asal.

**Dr Tan Chee Khoon:** Ada bersangkutan oleh sebab kemudahan-kemudahan yang diberi kepada Askar Wataniah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bersangkutan dengan soalan asal.

## SEWA RUMAH—KENAIKAN

**7. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa sewa rumah telah bertambah meningkat dengan amat hebatnya dalam masa dua tahun yang lalu, dan jika ya, samada beliau bercadang meluaskan Akta Kawalan Sewa, 1966 (Rent Control Act, 1966) untuk meliputi bangunan-bangunan yang dibina selepas tahun 1948 supaya penyewa-penyewa yang rendah pendapatannya tidak teraniaya dengan tidak adil.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar tentang kenaikan sewa rumah yang sangat hebat. Walaupun demikian, pada masa ini Kerajaan tidak ada sebarang cadangan untuk meluaskan kuatkuasa Akta Kawalan Sewa, 1966 pada bangunan-bangunan yang dibina selepas tahun 1948, sebabnya ialah tindakan ini tidak akan menyelesaikan masalah kenaikan sewa. Bagaimanapun, pada masa ini Kementerian ini sedang menguruskan perantikan sebuah jawatankuasa untuk menyemak kedudukan kawalan sewa dan membuat perakuan kepada Kerajaan samada kawalan sewa yang ada sekarang patut dikekalkan atau diluaskan supaya meliputi kawasan-kawasan tertentu di mana sewa rumah telah melambung tinggi sehingga menyebabkan kesukaran kepada rakyat ataupun dibatalkan sama sekali.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar kenaikan sewa rumah bukan di Kuala Lumpur sahaja, tetapi di seluruh Malaysia, akibatnya terlampau buruk, khasnya kepada si miskin di tanahair kita yang tidak boleh membayar sewa yang dituntut oleh tuan rumah. Oleh sebab itu, bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan mempercepatkan siasatan itu iaitu mengawal sewa untuk bangunan yang dibina selepas tahun 1948?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar atas masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi masalah ini tidaklah hanya disebabkan oleh Akta Kawalan Sewa

itu semata-mata, tetapi ada berbagai-bagai masaalah yang penting. Bagaimanapun, masaalah ini akan dapat ditimbang dan dikaji apabila jawatankuasa ini dilantik.

## TAHANAN DI PULAU JEREJAK

**8. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang tahanan yang berada di Pulau Jerejak sekarang dan kemudahan-kemudahan serta latihan yang tersedia untuk mereka; dan
- (b) tempoh yang terlama sekali seseorang tahanan ditahan di situ.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah orang tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak sekarang ialah 188 orang.

Orang-orang tahanan di sini diberikan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya seperti yang ditetapkan oleh keadah-keadah Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Orang Tahanan) 1970 iaitu selaras dengan tujuan untuk memulihkan (rehabilitate) dan membaiki akhlak mereka semula.

- (b) Mengikut Seksyen 4 (1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 Kerajaan berkuasa menahan mana-mana orang selama satu tempoh tidak lebih daripada 2 tahun dengan tujuan hendak mencegah orang-orang tersebut daripada melakukan perbuatan dengan apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam atau untuk menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah yang melibatkan kekerasan. Tetapi selepas 2 tahun tersebut dan Kerajaan berpuas hati bahawa orang tahanan itu masih lagi menjadi ancaman kepada ketenteraman awam jika ia dibebaskan daripada tahanan, maka Kerajaan boleh membuat Perintah Tahanan baru dengan menggunakan kuasa yang sama untuk terus menahan orang itu selama satu tempoh tidak lebih daripada 2 tahun. Dengan lain perkataan, Kerajaan boleh terus menahan seseorang

tahanan selama beberapa tahun dengan membuat Perintah Tahanan yang baru pada tiap-tiap 2 tahun sekiranya orang tahanan itu masih menjadi ancaman kepada ketenteraman awam jika ia dibebaskan.

## MATAPELAJARAN BAHASA MALAYSIA

**9. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang untuk mengadakan kelas-kelas Bahasa Malaysia pada waktu petang di ladang-ladang yang mempunyai murid-murid yang sekurang-kurangnya 25 orang.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Matapelajaran Bahasa Malaysia sudahpun dimasukkan di dalam jadual waktu di sekolah-sekolah. Oleh kerana itu, Kementerian Pelajaran tidak dapat menimbang mengadakan kelas-kelas Bahasa Malaysia seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Kelas-kelas Bahasa Malaysia untuk orang-orang yang bukan menjadi murid di dalam sekolah iaitu kelas-kelas dewasa umpamanya, bukanlah dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran.

## TALIPON DILENGKAPKAN DENGAN BATERI

**10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan kesan terhadap talipon, apabila bekalan elektrik di sesuatu kawasan itu terganggu dan apakah ikhtiar yang dijalankan oleh kakitangan talipon bilamana bekalan elektrik di kawasan itu terganggu. Dan apakah sebabnya sesuatu kawat talipon itu rosak.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, semua ibusawat talipon adalah dilengkapi dengan bateri-bateri yang akan mengerjakan talipon-talipon dalam masa kegagalan bekalan elektrik selama 5 hingga 10 jam. Di samping itu, ibusawat-ibusawat talipon besar juga dilengkapi dengan "standby generations" yang boleh memberi cukup kuasa untuk ibusawat-ibusawat tersebut apabila bekalan elektrik terganggu. Tambahan pula "Mobile Standby

Generators" adalah siap sedia untuk kegunaan dalam masa kecemasan di sesuatu kawasan ketika bekalan letrik tergendala.

Kebel-kebel talipon juga rosak akibat dari kilat atau bila air masuk ke dalam kebel-kebel pada masa hujan lebat dan banjir. Jabatan Talikom sedang mengambil beberapa pengawasan untuk memastikan bahawa kerosakan kebel-kebel talipon tidak berlaku selalunya dan juga membolehkan mengetahui di mana kerosakan berlaku dan kemudian memperbaikinya dengan secepat mungkin. Di antara pengawasan-pengawasan ini, adalah langkah penekanan kebel-kebel talipon yang besar dengan "dry air" dan juga untuk menggunakan kebel-kebel talipon berisi dengan "jelly" pada kebel-kebel talipon kecil untuk menghalangi air masuk. Satu kaedah yang baik sekali untuk menyambung kebel-kebel talipon palstik adalah sedang dibuat supaya menjadikan "joint" lebih tahan dan "water tight". Memandangkan bilangan besar kebel-kebel pelanggan yang berkaitan, maka adalah perlu memakan sedikit masa untuk mencapai kesan daripada langkah-langkah tersebut atas semua kebel ini, tetapi segala usaha dan langkah sedang diambil untuk melaksanakan kerja-kerja ini sebagai keutamaan supaya kerosakan kebel dapat dikurangkan dan perkhidmatan diperbaiki.

**Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah mobile apparatus ini dibekalkan ke tiap-tiap negeri, dan yang kedua sekiranya bekalan letrik terpotong atau terputus di beberapa buah bandar atau pekan-pekan kecil di Majlis Tempatan misalnya selama beberapa hari atau seterusnya, apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Jabatan yang berkenaan supaya perkhidmatan talipon itu dapat terus berjalan, kerana saya dimaklumkan bahawa beberapa buah Majlis-majlis Tempatan yang perkhidmatan letriknya dijalankan oleh pihak swasta mungkin kerana permohonan mereka untuk menaikkan harga bayaran api letrik ini belum dapat diluluskan oleh pihak yang berkenaan dan mungkin ini akan memberhentikan perkhidmatan letriknya dan apakah itu terjadi, saya percaya mungkin . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat tidak boleh membuat ucapan begitu, cuma boleh bertanya sahaja.

**Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Jabatan Talikom ataupun Kementerian yang berkenaan sekiranya perkara itu berlaku?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, segala usaha dan langkah sedang diambil untuk melaksanakan kerja-kerja seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan perkara keutamaan, adalah diberi kepada perkara-perkara kerosakan untuk membaiki di mana sahaja kerosakan-kerosakan itu berada dalam bandar-bandar besar atau di kawasan-kawasan luar bandar.

### KILANG-KILANG LETRONIK

**11. Tuan Madina bin Unggut** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertnya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (a) adakah benar bahawa ada kilang-kilang letronik di Malaysia sedang menghadapi meleset perniagaan. Jika ya, nyatakan berapa buah kilang letronik yang telah mengalami meleset perniagaannya dan adakah ini akan menjejaskan rancangan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan; dan
- (b) adakah Kerajaan akan menggalakkan lagi penubuhannya sekiranya zaman meleset ini terus berlaku.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa ada sebilangan kilang-kilang letronik yang telah menghadapi kemelesetan dari segi perniagaannya.

Kilang-kilang letronik di Malaysia adalah tidak terkecuali daripada mengalami kemelesetan perniagaan yang disebabkan oleh kekurangan permintaan (demand) bagi pengeluaran-pengeluaran letronik di pasaran dunia. Walau bagaimanapun, setakat ini, hanya 12 sahaja daripada 44 buah kilang letronik yang didirikan di negara ini yang menghadapi kemelesetan perniagaan sehingga terpaksa mengurangkan tenaga pekerja dan juga mengurangkan "shift" dan kerja lebih masa mereka.

Sukalah saya jelaskan iaitu kemelesetan perniagaan ini tidaklah merupakan perkara

yang asing untuk perusahaan letronik kerana biasanya keadaan ini berlaku pada 3 atau 4 tahun sekali. Walaupun demikian, keadaan ini biasanya tidak berpanjangan dan bukan semua kilang yang terjejas akibat keadaan tersebut. Oleh kerana keadaan ini berpunca daripada faktor-faktor luar negeri yang di luar kawalan Kerajaan dan oleh kerana perusahaan letronik ini sebahagian besarnya adalah eksport "oriented" kilang-kilang letronik yang ada di negara ini tidak dapat tiada adalah terlibat sama.

Tentang soal samada ini akan menjejaskan dasar baru Kerajaan, sukalah saya menyatakan memandangkan bahawa hanya sebilangan kecil sahaja kilang-kilang yang terjejas perniagaannya oleh kerana kemelesetan perniagaan mereka, maka saya berpendapat bahawa ini tidak akan menjejaskan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Jawapan kepada (b) Kerajaan adalah meneliti kesan-kesan kemelesetan ekonomi ini bukan sahaja bagi kilang-kilang letronik tetapi juga terhadap perkembangan perindustrian di negara ini keseluruhannya. Sekiranya zaman ataupun masa kemelesetan ini terus berlaku langkah-langkah yang sesuai akan diambil oleh Kerajaan jika didapati perlu untuk tidak menggalakkan lagi penubuhan kilang-kilang letronik di negara ini.

### AJENSI PERUMAHAN KHAS

**12. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan apa rancangan jangka panjang dan pendek Agensi Perumahan Khas, yang baru-baru ini telah diumumkan oleh beliau, untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah harga murah di seluruh negara kita.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat iaitu adalah benar bahawa sebuah agensi sedang dirancangan oleh Kementerian saya untuk mengambil tanggungjawab beberapa fungsi terhadap perumahan. Butir-butir yang lebih lanjut mengenai fungsi-fungsi, tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang tertentu akan diumumkan sebaik sahaja agensi tersebut telah ditubuhkan.

**PEJABAT PENDAFTAR DAN  
Pemeriksa Kereta-Kereta  
MOTOR—KELEMAHAN**

**13. Tuan Lim Cho Hock** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa rakyat jelata tidak puas hati dengan pentadbiran pejabat-pejabat P.P.K.K.M. dan nyatakan apa tindakan yang akan diambil oleh beliau untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu agak umum. Oleh yang demikian jawapan yang khusus tidak dapat saya berikan. Berkaitan dengan perkara ini saya sukalah meminta kepada Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan juga orang ramai supaya mengemukakan kepada Kementerian saya apa-apa kelemahan tertentu baik dari segi pentadbiran mahupun dari segi kemudahan-kemudahan yang disediakan di Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor, supaya kelemahan-kelemahan ini dapat diperbaiki.

Walau bagaimanapun, tindakan adalah sentiasa diambil dari masa ke semasa untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan ataupun kekurangan-kekurangan kemudahan yang didapati oleh Kementerian saya.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN, 1975**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26 November, 1974).

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." (26 November, 1974).

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru menyambung ucapannya.

*Perbincangan disambung semula.*

*2.58 ptg.*

**Tuan Ja'afar bin Hamzah (Johor Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia pada hari ini dalam usaha-usaha Kerajaan mengambil langkah-langkah dan tindakan untuk mencegah inflasi dan kemerosotan, Kerajaan perlu mencari jalan dan ikhtiar serta membuat rancangan yang lebih teratur semada jangka pendek mahupun jangka panjang dalam masalah-masalah pengeluaran bahan-bahan makanan di samping mencari jalan menarik lebih banyak lagi pemodal-pemodal luar negeri mendirikan kilang-kilang perusahaan di negara ini dengan mengutamakan pengeluaran bahan-bahan makanan serta dapat memberikan pekerjaan kepada penganggur-penganggur yang semakin bertambah dari semasa ke masa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, Kerajaan juga terutama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian perlu berhati-hati di dalam meluluskan sesuatu projek perusahaan kepada pelabur-pelabur luar negeri kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu mengikuti laporan-laporan akhbar bahawa beratus-ratus orang pekerja kilang letronic di sebuah negara jiran dan juga di dalam negara kita sendiri yang hilang pekerjaan masing-masing. Saya berpendapat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

tidak lagi menggalakkan atau meluluskan permohonan-permohonan dari pelabur-pelabur samada tempatan mahupun luar negeri meluluskan permohonan daripada mereka di dalam negeri ini untuk mendirikan kilang-kilang yang kelak merugikan rakyat untuk mendapatkan pekerjaan seperti kilang letronik itu. Kita tidak mahu kilang-kilang serupa itu lebih banyak merecup macam cendawan tumbuh yang mana selepas daripada itu mengeluarkan penganggur-penganggur yang tidak diberi jaminan oleh majikan-majikan untuk mendapatkan pekerjaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini saya harap Kerajaan akan dapat cuba menarik pelabur-pelabur dari negara-negara Arab menanam modal di negara ini. Selain dari itu, kita patut meminta bantuan pakar-pakar dari negara-negara Arab yang banyak menghasilkan minyak membantu pihak PETRONAS mengendalikan perusahaan minyak di negara ini supaya dapat mencapai matlamat yang dicita-citakan itu. Negara-negara Arab yang terkenal dengan hasil minyaknya dan telah mengadakan perhubungan diplomatik dengan Malaysia, patut kita mencari jalan dan menarik pelabur-pelabur dari negara tersebut untuk bersama-sama dengan pelabur-pelabur negara lain menjalankan perusahaan minyak. Dalam hal pelaburan asing ini juga, saya suka mengingatkan Dewan ini supaya Kerajaan berhati-hati jangan semata-mata menumpukan kepada pelabur-pelabur dari sebuah negara sahaja, dan kita tidak mahu setiap perusahaan yang terdapat di negara ini dikuasai olehnya sahaja. Kita bimbang kalau Kerajaan kurang teliti terutama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab di dalam perkara ini akan timbul satu perbuatan yang tidak diingini iaitu berlakunya sabotaj terhadap ekonomi negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga sedang menghadapi zaman inflasi, maka kenalah Kerajaan mengubah pandangan lebih teliti menarik pelabur-pelabur yang boleh menguntungkan rakyat dan negara ini sendiri, terutama di dalam segi mengeluarkan bahan-bahan makanan. Kita pernah mendengar setengah-setengah negara, kebanyakan perusahaannya dikuasai oleh satu-satu pihak sahaja dan apabila syarikat itu

bertindak menutupkan perusahaannya, maka negeri dan rakyat menghadapi ancaman, tersebut segala pengeluaran dan rakyat hilang pekerjaan.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kerajaan akan mengkaji semula terhadap pengambilan pakar-pakar untuk sesuatu projek pembangunan di negara kita. Saya dapat tahu dalam pengambilan pakar-pakar dari luar negeri terdapat di antara mereka yang tidak boleh bertutur langsung di dalam bahasa Inggeris jauh sekali di dalam bahasa Malaysia kita. Memandangkan keadaan yang berlaku itu, kita khuatir kerja-kerja di dalam sesuatu projek pembangunan tidak dapat berjalan dengan lebih licin dan teratur disebabkan tidak adanya persefahaman dalam perundingan dan pergaulan di antara pakar-pakar itu dengan pegawai-pegawai kita sendiri. Perkara ini saya harap tidak di biarkan berlarut-larutan kerana akan menyusahkan kita sendiri. Di samping itu kita juga hendaklah jangan terlalu tergesa-gesa dalam usaha hendak mendapatkan pakar-pakar luar negeri itu bagi menjayakan sesuatu projek pembangunan di negara kita ini. Kita memang tahu pakar-pakar luar negeri memang mudah kita perolehi, tetapi kita hendaklah kaji betul-betul samada mereka itu benar-benar seorang pakar yang benar-benar boleh diharapkan dan juga boleh menolong untuk menjayakan sesuatu projek. Kita pernah mendengar dan terdapat pakar-pakar yang mengkaji sesuatu projek di sesebuah negara tidak dapat melaksanakan projek itu dengan baik dan terpaksa pula Kerajaan mendapatkan pakar yang lain. Perkara seumpama ini bukan sahaja melengah-lengahkan kerja bahkan akan merugikan kita. Kita bukan sahaja terpaksa mencari pakar-pakar lain, tetapi terpaksa juga mengeluarkan wang yang lebih banyak lagi. Saya berharap Menteri yang berkenaan hendaklah berhati-hati dalam mendapatkan pakar-pakar ini supaya jangan sampai merugikan negara dan juga rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menggalakkan pembinaan kilang-kilang perusahaan di negara ini yang berteraskan bahan-bahan makanan, kerana makanan adalah merupakan punca penting bagi rakyat dari segenap lapisan. Saya tidaklah bermaksud untuk memperkecilkan kilang-kilang

perusahaan yang ada, tetapi dalam masalah negara menghadapi inflasi, bahan-bahan makanan perlu diperbanyak supaya setiap rakyat dapat merasai nikmatnya dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah jangan membandingkan kedudukan negara Malaysia dengan negara-negara lain seperti Amerika dan lain-lain negara yang rakyatnya mempunyai pendapatan yang tinggi dan mampu untuk membeli barang-barang keperluan termasuk makanan sekalipun harganya mahal. Bagi negara kita yang mempunyai rakyat yang terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah, tentu tidak sanggup menghadapi harga barang-barang yang begitu tinggi. Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, sekati gula tidak sama dengan harga sekati getah pada masa ini sedangkan kebanyakan rakyat di kampung-kampung bergantung hidupnya dengan pokok-pokok getah sebagai pendapatan mereka terutama yang menorih getah yang mana pendapatan mereka tidak sampai \$2 sehari, sedangkan pendapatan sebanyak itulah terpaksa menampung keluarga yang begitu ramai. Melalui Dewan yang mulia ini, saya berharap pekerja-pekerja yang bergaji tetap, samada kakitangan Kerajaan atau kakitangan-kakitangan agensi Kerajaan dan pekerja-pekerja kilang juga perlu memikirkan bersama-sama golongan rakyat yang hidup dengan pendapatan yang tidak tetap itu. Kepada mereka ini kita berharap supaya tidak terus meminta kerana itu adalah membebankan rakyat, terutama rakyat yang berpendapatan rendah pula. Mereka patut bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana mempunyai pendapatan yang sudah lumayan dan mampu mendapatkan apa sahaja mereka perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak mahu melihat ahli-ahli perniagaan yang ada di dalam negara ini semata-mata mementingkan diri mereka sendiri untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar dengan tidak sedikit pun memikirkan sebahagian besar rakyat yang berpendapatan rendah itu. Misalnya, baru-baru ini negara kita menghadapi kekurangan tepung, susu dan minyak tanah yang sengaja dibuat-buatkan oleh pihak-pihak yang tertentu dengan tujuan supaya Kerajaan mengaku kalah dan menaikkan harga-harga barang semata-mata untuk kepentingan mereka sendiri. Pada hal bahan-

bahan tersebut tidak kurang tetapi sengaja dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan. Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini Kementerian yang berkenaan melalui Pasukan Penguatkuasa hendaklah diperbanyakkan keanggotaannya dan tindakan-tindakan yang tegas hendaklah dijalankan setiap masa supaya rakyat yang berpendapatan rendah tidak terus menderita dan menjadi mangsa.

Kerajaan Barisan Nasional yang disokong oleh sebahagian besar rakyat di negara ini hendaklah sentiasa tegas supaya tidak ada pihak cuba hendak mencari kesempatan untuk menimbulkan selalu kesusahan terutama apabila menjelang hari-hari kebesaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengeluaran beras negara Menteri Kewangan ada menyebutkan di dalam Ucapan Belanjawannya tentang hasrat Kerajaan untuk membuka kawasan perusahaan lebih kurang 260,000 ekar. Di dalam masaalah ini saya berharap Kementerian Pertanian dan Pembangunan Desa menumpukan sepenuh usaha supaya kawasan-kawasan perusahaan yang sedia ada dan kawasan dibuka itu benar-benar dapat dikerjakan.

Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bagaimana di Johor sendiri terdapat dua kawasan sawah seluas 12,000 ekar, iaitu di Endau, Mersing dan juga di Kahang, Kluang. Di dalam kawasan-kawasan yang saya sebutkan ini terdapat tidak sesiapa pun yang hendak mengerjakannya sedangkan Kerajaan Negeri telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk rancangan taliair di kedua-dua kawasan itu. Daripada 12,000 ekar itu Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju untuk menyerahkan sebagaimana pengumuman yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan seluas 6,000 ekar diserahkan kepada petani-petani Perlis yang ingin menyertai rancangan tanaman padi di Negeri Johor. Saya berharap Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang berat di dalam masalah ini supaya negeri ini pada satu hari kelak tidak lagi bergantung kepada negara lain untuk mendapatkan bekalan beras yang cukup dan dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pandangan sekali lagi kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian perlunya mengkaji semula syarat-syarat yang telah

dikenakan kepada pemodal-pemodal asing sebelum terlaksananya peraturan-peraturan yang dikenakan itu iaitu setiap pemodal luar negeri yang hendak menanam modal di negara ini dimestikan mengadakan usaha bersama dengan syarikat-syarikat tempatan iaitu 51% bagi pemodal-pemodal tempatan dan 49% bagi pemodal-pemodal luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan masih ada pemodal-pemodal luar negeri terus monopoli sesuatu syarikat sekalipun berkongsi dengan syarikat-syarikat tempatan dengan tidak mahu memajukan saham-saham mereka kepada syarikat-syarikat tempatan apabila diarahkan oleh Kerajaan semasa membaharui lesen perniagaan mereka. Pemodal-pemodal itu sebaliknya mengarahkan syarikat tempatan yang bersama-samanya itu berbuat demikian dan seterusnya menakut-nakutkan tidak akan membekalkan bahan-bahan yang diperlukan oleh syarikat tempatan itu. Langkah syarikat-syarikat luar negeri yang cuba hendak mengabui mata Kerajaan dan rakyat perlu diambil tindakan supaya mereka tidak berlarutan membolot kekayaan negara ini membawa balik ke negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru yang mana akan memperhebatkan projek perumahan untuk rakyat, saya juga berharap Menteri yang berkenaan dapat menimbang juga bersama-sama projek-projek perumahan bagi pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat Federal dan dijualkan kepada mereka itu yang berkhidmat di negeri-negeri di dalam negara kita. Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Federal itu telah sama-sama memainkan peranan melaksanakan polisi Kerajaan dan mereka perlu diberi perhatian untuk mendapatkan sebuah rumah untuk tempat tinggal mereka agar kedudukan mereka di masa akan datang terjamin.

Mereka ini juga adalah manusia biasa yang berkehendakkan tempat perlindungan. Saya percaya jika mereka ini diberi tempat tinggal yang sesuai akan menjamin ketenteraman jiwa mereka itu untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya setiap hari dengan lebih teratur dan licin lagi. Dengan yang demikian, segala kerja-kerja akan dapat dijalankan dengan lebih sempurna. Selama ini apa yang saya difahamkan hanya Kerajaan Negeri sahaja

yang mengadakan projek perumahan untuk dijualkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya seperti yang berlaku di Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini ialah berhubung dengan kedudukan Jabatan Cetak di Negeri Johor, dan kalau tidak silap saya Kerajaan telah membelanjakan lebih kurang \$585,000 untuk mendirikan bangunan dan mempunyai pekerja-pekerja di dalamnya lebih kurang seramai 125 orang. Tetapi malangnya, isi di dalam bangunan yang begitu indah rupanya sangat-sangatlah menyedihkan dengan mempunyai mesin-mesin yang sudah lapuk dan sudah tidak boleh dianggap memberi kepuasan kepada pekerja-pekerja di Jabatan Cetak itu kerana mesin-mesin itu telah digunakannya semenjak tahun 1925 dahulu. Pihak jabatan itu telah berkali-kali memperbaiki mesin tersebut tetapi oleh sebab spare partsnya terlalu sukar untuk didapati, maka kerja-kerja untuk memperbaiki mesin-mesin itu selalu tergendala. Satu laporan Board of Survey telahpun dibuat di dalam bulan Januari, 1974 yang lalu tetapi hingga sekarang ini satu tindakan pun belum dijalankan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Satu lagi laporan telahpun dikemukakan oleh pihak jabatan yang berkenaan itu tetapi tidak juga dihantar sehinggalah hari ini. Laporan yang saya maksudkan itu telahpun dikemukakan kepada pihak yang berkenaan di Ibu Pejabat ini pada bulan Mac, 1974. Oleh yang demikian, saya haraplah Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian yang berat di dalam perkara ini dan seterusnya berharap akan dapat menggantikan mesin-mesin yang sudah buruk itu supaya kerja-kerja yang begitu pesat dijalankan oleh pihak Jabatan Cetak di Johor itu tidak tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah perhubungan negara Malaysia dengan negara Republik Rakyat China, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atas kejayaan yang cemerlang bagi mengeratkan perhubungan bagi kedua-dua negara ini. Usaha-usaha yang telah dijayakan itu telah dapat sokongan yang penuh dari rakyat yang berbilang kaum di Malaysia ini termasuklah kaum China di negara ini. Kejayaan yang

cemerlang ini boleh kita catitkan sebagai sejarah yang tidak boleh dilupakan oleh kita dan juga jenerasi yang akan datang. Perbincangan-perbincangan di antara kedua-dua negara ini telahpun dijalankan dari satu masa ke satu masa bagi menempatkan ambassadornya masing-masing tidak lama lagi. Namun begitu, saya ingin mengambil kesempatan di sini agar Kerajaan hendaklah mengambil perhatian yang berat terhadap orang-orang yang bukan rakyat negara ini dan bukan pula rakyat Republik Rakyat China yang akan cuba mengambil kesempatan untuk berteduh di bawah payung ambassador negara Republik Rakyat China. Kita tahu mereka ini akan dipengaruhi oleh anasir-anasir sabversif yang anti-kebangsaan yang ada di kalangan komunis di negara Malaysia kita ini. Sebagaimana kita sedia maklum komunis-komunis yang ada di negara kita ini sedang mencari jalan dan ikhtiar untuk memporak-perandakan kedudukan perpaduan yang erat yang ada di antara rakyat yang berbilang kaum di Malaysia ini. Mereka ini memang selalu dan tidak berhenti-henti samada dengan secara kita semua menyedari atau tidak selalu membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan ideoloji Rukunegara kita pada masa sekarang. Oleh yang demikian, kita hendaklah senantiasa berjaga-jaga dan mengawasi mereka ini supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan itu tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah belia di Pusat-pusat Latihan Belia yang membuat latihan kemahiran tidak kurang daripada 85% daripadanya pada masa ini apabila tamat latihannya tidak mendapat apa-apa kerja, sedangkan mereka itu mempunyai kebolehan dan kelulusan praktikel. Mereka ini dihantar ke Pusat Latihan Belia untuk belajar bagi mendapatkan pengetahuan yang luas di dalam bidang kemahiran, dan mereka itu datangnya daripada golongan-golongan yang tidak mempunyai kemampuan untuk dihantar ke sekolah-sekolah yang lebih tinggi, tetapi mempunyai kebolehan untuk melanjutkan pelajarannya. Dengan kelulusan yang diperolehi itu, mereka ini sepatutnya diberi peluang untuk bekerja dari segi kemahiran yang diperolehi itu supaya dapat menanggung sara hidup mereka sendiri. Tetapi malangnya, tidak ada samada daripada kalangan swasta mahupun daripada pihak Kerajaan sendiri ingin mengambil untuk memberikan mereka ini pekerjaan-pekerjaan

yang sesuai mengikut kebolehannya. Sekiranya pihak Kementerian yang berkenaan tidak berikhtiar untuk mencari jalan dan langkah serta tindakan yang sesuai untuk mengatasi perkara ini, maka adalah dikhuatir lebih bertambah ramai lagi peratus pengangguran di negara kita ini. Dan saya percaya pihak Kementerian Kebajikan Am tentu tidak mahu dituduh oleh rakyat bahawa Pusat-pusat Latihan Belia di negara ini sebagai kilang-kilang yang mengeluarkan penganggur-pengangur yang tidak diambil perhatian berat oleh Kementerian itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, untuk mengelakkan pengangguran tidak berluasan, maka pihak yang berkenaan hendaklah mencari jalan dan ikhtiar bagi menolong mereka ini untuk menjalankan pekerjaannya sendiri dengan menggunakan kemahiran yang ada pada mereka itu. Cara yang sesuai dan menasabah bagi mengalakkan mereka ini berdikari, maka Kementerian yang berkenaan adalah disyorkan supaya menubuhkan sebuah tabung khas sebagai tempat pinjaman yang mudah diperolehi untuk mereka menjalankan kerjanya di dalam bidang perniagaan. Bagi mereka ini yang terdiri daripada anak-anak miskin tentulah tidak dapat diberi perhatian yang baik sekiranya mereka ini memohon pinjaman daripada pihak-pihak bank. Oleh yang demikian, saya sangat-sangat berharap agar Kementerian yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian yang sewajarnya di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah pengiktirafan ijazah-ijazah luar negeri saya sangat-sangat berharap pihak Kementerian Pelajaran dapat membuat kajian yang mendalam bagi mengiktirafkan ijazah-ijazah luar negeri ini. Saya percaya ijazah-ijazah yang sedia ada diiktirafkan oleh negara kita ini boleh dikatakan mencukupi untuk digunakan pada keseluruhannya. Kita akui dan setuju negara kita ini mempunyai banyak rakyat yang berkelulusan tinggi, tetapi kita tidak hendak menengok mereka ini menjadi tukang sapu parit di tepi-tepi jalan yang mempunyai kelulusan yang sama. Jadi di mana letaknya mutu ijazah-ijazah kelulusan itu. Dari itu, saya sangat-sangat berharap kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat mengkaji dengan teliti masaalah pengiktirafan ijazah-ijazah luar negeri ini sebagaimana yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli daripada parti-parti Pembangkang.

Satu lagi perkara ialah berhubung dengan pembuangan seorang pegawai bumiputra oleh Swedish Motor Assembly Sdn. Bhd. Masalah pembuangan pegawai bumiputra ini mengakibatkan pekerja-pekerja di Swedish Motor Assembly Sdn. Bhd. memberontak dan bertindak serta berpiket menunjukkan bantahan mereka terhadap tindakan-tindakan pihak pentadbir Syarikat itu. Yang sebenarnya, perbuatan dan tindakan yang dilakukan oleh pihak pentadbir syarikat itu adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan kita yang berkehendakkan supaya pegawai-pegawai bumiputra dapat bersama-sama berkecimpung dan mengambil bahagian untuk memainkan perannya yang aktif di dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini tentu ada mendengar bahawa ada juga syarikat-syarikat mengatakan tidak ada anak-anak bumiputra yang berkelulusan dan kebolehan untuk memegang jawatan-jawatan yang penting di dalam swasta-swasta apabila Kerajaan menyeru supaya pihak-pihak swasta memberi kerjasama untuk mengambil anak-anak bumiputra bagi melatih mereka itu. Sekarang anak bumiputra sudahpun sedia ada mempunyai kelulusan dan kebolehan untuk menjalankan urusan-urusan di dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Pembuangan pegawai ini adalah sangat-sangat bertentangan dengan dasar Kerajaan kita dan tindakan yang diambil menunjukkan bahawa pihak pentadbir syarikat itu tidak patuh kepada arahan Kerajaan kita.

Dari itu, saya harap apalah kiranya pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil tindakan yang tegas supaya pihak pentadbir syarikat yang melakukan sabotage ini diambil tindakan yang sewajarnya, dan dapat kiranya Kementerian yang berkenaan mengarahkan pihak pentadbir yang berkenaan itu dikeluarkan daripada negara Malaysia ini dan juga work permitnya ditarik balik dengan digantikan oleh seorang yang benar-benar boleh menerima dan mematuhi dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional kita. Kementerian yang berkenaan hendaklah juga mengambil semula pegawai-pegawai tersebut untuk meneruskan perkhidmatannya.

3.31 ptg.

**Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi):** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kebanyakan daripada kita di sini amat bersimpati dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana membentangkan Belanjawan kali pertama baginya untuk tahun 1975 dalam keadaan dan suasana inflasi dan recession. Namun begitu, pada amnya Belanjawan itu telah betul-betul dihalusi dan benar-benar bertimbang rasa. Budget itu juga telah mencerminkan imej Kerajaan yang begitu tolerance, bertanggungjawab dan bermurah hati, terutama sekali apabila menimbangkan tentang pendapatan kaum wanita dan orang-orang yang berpendapatan rendah. Ketegasan Belanjawan dalam segi kewangan dan philosophynya yang baharu ini telah menambahkan lagi kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan dan di samping itu meninggikan imej Kerajaan di luar negeri dan kepada penanam-penanam modal dalam negeri dan di luar negeri, terutama sekali apabila setengah-setengah negara lain sedang mencadang nationalisation dan penyekatan eksport dan impot modal dalam menimbangkan masaalah-masaalah yang sama.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Budgetnya telah mengatakan bahawa Belanjawan itu adalah merupakan alat yang aktif dan dinamis bagi melaksanakan dasar pembangunan sosio—ekonomi Malaysia. Sekiranya begitu philosophynya maka adalah tidak memadai sahaja jika kita mengatakan bahawa negara kita ini stabil dan kita mempunyai nama yang baik di luar negeri dan Budget yang baik sebagai motif yang boleh membanayak dan membiakkan pembangunan. Jentera-jentera (machinery) pelaksanaan juga seharusnya ditambah dan diberi nafas baharu dan bantuan kewangan bagi menambatkan expertise dan kakitangan yang cekap supaya jentera-jentera ini dapat dijalankan dengan cekap dan cepat dan dalam menjaga kepentingan negara badan-badan ini juga sentiasa accessible kepada orang-orang ramai.

Satu daripada faktor utama untuk menarik pelaburan dan stimulate perkembangan ialah pasaran wang (money market). Negara ini mempunyai satu sistem pasaran wang yang walaupun baharu, tetapi adalah teratur dan terbaik di wilayah ini. Ini seharusnya kita menghargai usaha-usaha Yang Berhormat Menteri Kewangan dan usaha-usaha Yang

Berbanagia Gabenor Bank Negara di atas foresight mereka, tetapi malangnya Jawatankuasa Penanaman Modal atau C.I.C., walaupun telah menjalankan tugas-tugasnya dengan cemerlang, oleh kerana kekurangan kakitangan, tambahan work load dan jumlah banyak lagi permohonan-permohonan telah menimbulkan masalah time-lag. Ini disebabkan bahawa C.I.C. cuma dapat menjalankan tugas sebagai satu unit sahaja.

Memandangkan banyaknya permohonan dan ukuran rancangan ekonomi yang akan datang mungkin ada baik sekiranya tugas unit ini didepartmentalisenkan atau dijadikan satu statutory body di bawah naungan Gabenor Bank Negara dan keahliannya juga agak ditambah untuk menerima wakil-wakil dan pandangan daripada swasta yang berpengalaman. Badan yang baharu ini boleh mengawasi dalam hal perniagaan am, stock market, industrial credit atau kredit perusahaan, take over bid atau pengambilan alih syarikat-syarikat, exchange control atau kawalan wang asing, foreign exchange atau pertukaran wang asing dan discount market atau pasaran wang. Terms of reference atau syarat-syarat dan tujuan seharusnya dijelaskan juga. Dan badan ini perlu bekerjasama rapat dengan bahagian Industrial Promotion dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan badan ini seharusnya bercantum dengan F.I.C. atau Jawatankuasa Tanaman Modal Asing.

Setelah perkara ini diatur mungkin soal memproses tambahan permohonan-permohonan dapat dipercepatkan dan bebanan wang syarikat-syarikat dapat diperkurangkan dan lebih ramai lagi pemodal-pemodal asing yang boleh ditarik ke negara kita. Penyusunan semula badan ini mungkin juga akan dapat menerangkan dan mentafsir Undang-undang Kerajaan lebih awal kepada bakal-bakal pemodal, oleh kerana biasa ada terjadi di mana legislation kita adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan. Oleh itu, adalah perlu pemodal-pemodal ini diberi maklumat awal tentang hal-hal ini untuk mengujudkan dan mengekalkan suasana tanaman modal yang baik di negara kita.

Satu lagi perkara yang penting ialah masalah penyertaan syarikat-syarikat dagangan asing (old established foreign companies), private ataupun public yang masih bercorak colonial. Kita mesti akui bahawa Kerajaan adalah bersikap adil

terhadap penanam-penanam modal asing yang ada di negara kita sekarang ini. Misalnya, dalam Rancangan Ekonomi Malaysia kita telah memberi mereka tempoh 20 tahun lagi untuk mengubah dan menyesuaikan rancangan-rancangan mereka supaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak-kehendak tempatan. Lima tahun telah berlalu semenjak kita beri amaran pertama dan ini dibuat melalui pujukan dan tidak pernah kita buat secara paksa atau nationalisation, tetapi sedihnya masih ada syarikat-syarikat asing yang besar samada public ataupun private yang masih berideology yang bercorak colonial dan menjalankan kerja yang bertentangan dengan aspirasi negara kita. Pihak-pihak Lembaga Jemaah mereka tinggal di luar negeri dan cara-cara pemikiran mereka juga masih berdasarkan keadaan Malaya pada tahun 1935. Pegawai-pegawai tinggi mereka di sini tidak diberi peluang untuk merancang sesuatu yang boleh membawa keuntungan yang lebih kepada negara ini, sesuai dengan Dasar Ekonomi Baharu dan Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Tujuan utama mereka ialah untuk memperoleh untung dan keuntungan itu digunakan untuk tanaman modal bukan di Malaysia yang banyak, tetapi di negeri mereka sendiri, dan setengah-setengah daripadanya tidak mengambil berat tentang kebajikan pihak-pihak yang bekerja di dalam rancangan-rancangan mereka, dan tiada rancangan latihan untuk orang-orang tempatan dan orang-orang bumiputra yang melibatkan diri mereka dalam rancangan-rancangan ini. Maka sudah tiba masanya bagi Kerajaan memperingati mereka tentang dasar Kerajaan yang betul-betul, bertujuan bagi kemajuan pembangunan negara dan bagi mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru kita, dan mereka seharusnya jangan lagi mengambil peluang yang bertentangan dengan kehendak Kerajaan dan aspirasi rakyat kita. Seharusnya mereka ikuti, contohi Dunlop Estate dan Dunlop Industry, di mana sebilangan besar syer-syer mereka telah diberi kepada rakyat dalam negara kita dan Pengerusi dan Pengarah Urusannya adalah anak tempatan.

Satu perkara lagi yang agak penting ialah soal penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Dalam keadaan depression yang terburuk sekalipun peluang bagi menolong bumiputra untuk

mengexploit keadaan itu masih ada sekiranya ada sesuatu rancangan yang teratur disokong oleh Kerajaan. Pihak Kerajaan telahpun menubuhkan beberapa badan berkanun untuk memberi peluang kepada bumiputra menyertai dalam lapangan perusahaan dan perdagangan, umpamanya, MARA, K.P.M. dan sebagainya.

Dalam suasana pasaran yang muram ini mungkin badan-badan ini boleh bersatu atau adakan consortium untuk mengambil bahagian secara aktif dan direct melalui rundingan dan penyertaan secara langsung dengan membeli saham-saham syarikat-syarikat yang besar dan maju ini di mana nilai syer-syernya didapati rendah, tetapi keuntungan perolehan dan potensi growthnya adalah tinggi.

Dalam membeli saham-saham harganya rendah dan assetnya banyak dan dividennya juga banyak dalam pasaran sekarang ini, salah satu kebajikannya ialah kita tidak berlumba dan menyekat peluang-peluang sesiapa pun kerana ini diperolehi dalam pasaran terbuka. Lagi satu kebajikannya ialah kita tidak menakutkan kaum-kaum lain.

Ketiganya, tidak ada syak wasangka yang kita ada bertujuan untuk nationalise ataupun merampaskan hak orang, kerana segala pembelian berasaskan pembeli dan penjual yang rela. Sekiranya kita memulakan sesuatu yang baharu dengan secara joint-venture, ini akan memerlukan modal yang banyak dan expertise tetapi dengan cara ini expertise sudah ada, rancangan telahpun berjalan dan menghasilkan dan potency growth yang besar juga ada. Dengan cara ini juga jika rancangan ini dipraktikkan betul-betul tempoh penyertaan bumiputra dalam 20 tahun untuk memperoleh 30% itu dapat disingkatkan.

Satu perkara lagi yang kita patut menerima kasih kepada Kerajaan ialah tambahan peratus wang pinjaman untuk C.G.C. loan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Tetapi pemberian pinjaman sebagai peluang berniaga sahaja adalah tidak memuaskan. Sekiranya pinjaman yang diberi kepada individu itu kecil dan tidak untuk rancangan-rancangan yang berekonomi. Sekiranya pinjaman seperti ini diteruskan, pinjamannya itu akan menjadi pemberian kebajikan dan semata-mata untuk menyukakan hati Kerajaan sahaja. Akibatnya orang-orang luar bandar akan menerima penyakit lama balik

iaitu mereka akan menjadi masyarakat piutang. Oleh itu, bank-bank perdagangan seharusnya mengadakan perkhidmatan perundingan dan penasihat supaya pinjaman-pinjaman yang diberikan itu dengan tujuan yang viable dan biarlah pinjaman itu mengikut bidang ukuran projek dan usaha-usaha hendaklah juga dibuat supaya orang-orang luar bandar yang memerlukan pinjaman itu dielak daripada tekanan orang-orang tengah yang tidak bertanggungjawab, dan accountant-accountant yang dikatakan "fly by night accountant".

Ingin juga saya bercakap berkaitan masalah pembangunan Pulau Langkawi sebagai kawasan perlancongan. Pulau Langkawi adalah merupakan sebuah pulau yang indah dalam wilayah ini. Ianya mempunyai banyak tempat-tempat yang boleh menarik pelancong dan tempat-tempat yang bersejarah. Sekarang ini sebuah hotel yang bertaraf antarabangsa telahpun dibina di Kuah. Juga ianya mempunyai sebuah lapangan terbang, tetapi malangnya tidak ada service kapal terbang ke pulau ini dan perkhidmatan feri pun terhad dan lambat. Oleh itu pelancong-pelancong yang datang daripada Australia, New Zealand dan negeri-negeri lain tidak dapat datang ke Pulau Langkawi untuk mengembangkan perusahaan perlancongan. Bagi mereka yang bersusah-payah ke sana, mereka mengalami kesusahan, kerana kekurangan jalan ke tempat-tempat yang indah dan bersejarah, maka oleh itu adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat memberi bantuan bagi memajukan pulau itu dengan wang 1 utipan hasil daripada cukai hotel yang baharu ditambahkan itu.

Akhirnya, ingin juga saya menyatakan masalah petani-petani dalam kawasan bendang tanaman dua kali setahun di Negeri Perlis dan Negeri Kedah. Oleh kerana adanya tanaman dua kali setahun, semua kawasan-kawasan bendang telah dibanjiri oleh air, sungai-sungai yang bersih dahulu, iaitu sungai-sungai biasa sudahpun menjadi sungai buangan di mana air minuman dan air yang digunakan untuk masakan sudah terlalu kotor dan dipenuhi dengan racun-racun ulat serangga. Di sini masalah mereka ialah untuk memperoleh air minum dan masakan. Pihak Kerajaan biasanya bila merancang peruntukan bagi bekalan air paip untuk minuman berbuat demikian sahaja apabila didapati yang projek-projek atau rancangan itu berekonomi. Tetapi dalam hal ini,

mandangkan betapa perlu dan juga memandangkan betapa besarnya sacrifice mereka itu, maka saya harap supaya pihak Kerajaan akan dapat membuat peruntukan bagi pemsangan paip bekalan air minuman di kawasan-kawasan ini dengan seberapa cepat dengan tidak lagi berdasarkan soal ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas Budgetnya yang begitu bertimbang rasa dan menasabah sekali bagi waktu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah saya memaklumkan bahawa perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan ditamatkan pada hari ini, dan bila Dewan menyambung semula sidangny pada petang esok, Yang Berhormat Menteri-menteri akan mulai menjawab di dalam perbahasan ini.

3.46 ptg.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as pointed out by Yang Berhormat Minister of Finance, the basic approach of our economic management is in the short term geared to managing the "business cycle" which is largely determined by the economic performance in the industrial world. This means that when the industrial countries prosper, we can expect the crumbs under the table and when their economies slow down or experience recession, we go down with them. It is like when they sneeze, we catch cold. This is not a very cheerful prospect at all, except perhaps we can take comfort that it is a short term measure. We have yet to be informed of what the long term measure would be. Mr Speaker, Sir, this question is posed because in my humble opinion this over-dependence on the economic prosperity of industrial world for our own prosperity ought not to be a permanent feature of our economic policy. To be sure there are many developing countries in the world worse off than we are economically and their economic pattern like ours is geared to managing the "business cycle". There is, however, no real comfort to us.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Can we not make a move now to review and adjust the economic pattern to which we are geared? Naturally, we cannot go it alone. To be effective, we must get the Third World with us. I would echo the clarion call made by the Minister of Finance when he said "to summon our resources and our best efforts collectively". the concept of a Common Market which had been talked about on and off for Southeast Asian region and for ASEAN countries should, in my submission, be pursued with determination and vigour and acceptable terms worked out. The Arab countries to which a lot of oil wealth has gone should be brought in, so that the traditional economic subjugation to the western industrial countries can be overcome.

Mr Speaker, Sir, many of us have one time or the other criticised the Treasury. To be fair, I think such criticism was never intended for any official serving in the Treasury but more against it as a citadel of red-tape. I have pondered on the matter and my conclusion is that the General Orders governing the Civil Service in general and the Treasury in particular ought to be reviewed. Many of the General Orders are relics of the bygone days and of colonial flavour. They have been overtaken by a new era and a new age. Now many have become obsolete. Instead of providing safeguards, they can be obstructive in getting things done. Generally, it is believed that they turn officials into bureaucrats in its narrow sense.

Of course, there are Government officers who just enjoy being bureaucratic. We have had a few experiences of measures which have been accepted and even agreed to by Ministers and senior officials, but never implemented or were late in implementation because some junior officials had taken their time to deal with them just to show their importance. For an "action-oriented" Government we cannot afford too much of such bureaucratic attitude among our officials.

Mr Speaker, Sir, one of the usual complaints by some States is that money or Warrant to spend on approved projects had always been late in coming, with the result that either the projects had to be rushed through on the ground that if the money was not spent on the particular project within that year it would have to be reverted back to the

Treasury and a fresh application had to be made for the sum the next year when the same frustrating pattern would repeat, or the projects had to be abandoned which would then give a wrong impression that the applicant was not serious about the project. Either result would not be desirable or satisfactory.

Mr Speaker, Sir, although I have been told that as a matter of course the funds for all continuing projects would be made available and that the so-called "Christmas spending spree" would be unnecessary, the habit or inclination of using up all the funds before 15th December of each year still persists. Perhaps, the Honourable Minister of Finance can make a firm ruling on this and that balance of the funds for any approved projects so long as being accounted for, would not be required to be sent back to Treasury and to go through the process of reapplying for it again in the new year. In this way, Mr Speaker, Sir, the process of continuation will not unnecessarily be interrupted.

Mr Speaker, Sir, now, turning to the tax changes for 1975, I regret that our new Minister of Finance who has shown so much understanding of our problems in Sabah and Sarawak should be the one in presenting his first Budget, to see fit to abolish the tax abatement for these two States. Mr Speaker, Sir, I agree with the principle that there should be harmonisation of taxes throughout the country but I question the timing of the implementation. It is an accepted fact that due to geographical factors and the incidence of higher freight and handling charges and so on, the cost of living in Sabah and Sarawak is and will for a long time to come be higher than that obtaining in Peninsular Malaysia. Cognizance of this fact is the payment of regional allowance by the Government to officers serving in these two States.

Mr Speaker, Sir, the 10% abatement for Sabah and Sarawak can, in my submission at this stage of development, be regarded as regional allowance to the taxpayers in these States. To my mind, the removal of this tax abatement is premature and at a wrong time when, for the reasons which were mentioned by me, we in Sabah and Sarawak suffer more from the effects of inflation than our compatriots here.

Mr Speaker, Sir, talking of allowance, I think the amount of personal relief ought to be adjusted upwards so as to ensure that the head of a family can provide a decent life for himself and his family. If we advocate the principle of giving workers a living wage, then why do we start to tax a person from his earnings which, in its totality is not sufficient to support his family? While I welcome the proposal to have a separate income tax assessment for working wives, I think for those taxpayers without working wives, the personal relief should be on the region of \$5,000 per annum which is just over \$400 per month and this \$400, Mr Speaker, Sir, is not all that much for a couple to live on.

Mr Speaker, Sir, I fully support the policy of giving high priority for Development Expenditure especially for those projects which will have high employment potential, low import contents and which takes a short time to complete. The successful implementation of such policy will make us more self-reliant, more resilient and better able to withstand the wind of recession and inflation blown from the West.

Mr Speaker, Sir, with the comments and remarks which I have made I support the Bill.

3.58 *ptg.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1975 di dalam Dewan ini. Saya ucapkan tahniah di atas kebolehan Yang Amat Berhormat itu menjalankan tugasnya sebagai Menteri Kewangan.

Saya menarik perhatian Dewan ini di atas ucapan Yang Amat Berhormat yang berbunyi begini:

"Stretiji Belanjawan 1975 negeri ini adalah ditujukan kepada dasar-dasar ekonomi, belanjawan dan kewangan supaya dapat mengekalkan keadaan yang seimbang di antara mencegah kemerosotan dan menyekat inflasi".

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan Menteri Kewangan ini yakinlah kita bahawa Kerajaan bukan bertujuan hendak menyusahkan rakyat, bahkan sentiasa menjaga demi

kepentingan keadilan dan negara. Salah satu cukai yang tersebut di dalam ucapan Belanjawan itu ialah cukai jalan atas kereta penumpang bersendirian. Cukai ini telah tidak dikenakan kepada teksi dan kereta-sewa. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya tambang teksi jangan dinaikkan kepada penumpang waktu mereka menyewa pada hari-hari perayaan, hari-hari cuti. Di negara kita ini sentiasa kita dengar rungutan daripada penumpang-penumpang dan rakyat apabila sahaja mereka menumpang teksi-teksi baik mereka yang akan balik ke kampung atau mereka yang bertolak daripada tempat mereka menjalankan tugas masing-masing, supaya pada masa akan datang rungutan-rungutan yang seperti ini tidak terdengar lagi kerana Kerajaan selalu sedar, selalu bertimbang rasa kepada cara-cara teksi menjalankan tugas-tugas mereka. Diharap mereka sentiasa pula memberi timbang rasa kepada rakyat yang sentiasa menggunakan teksi.

Selain daripada itu, saya suka mengesyorkan pula kepada syarikat-syarikat bas kerana ada di antara syarikat-syarikat bas di dalam negara kita ini bas-bas mereka telah digunakan terlalu lama, telah rosak dan telah dianggap tidak boleh digunakan lagi supaya dapat diganti dengan bas-bas yang baru sesuai dengan keadaan kita pada masa ini. Janganlah syarikat-syarikat ini mengharapkan wang daripada penumpang-penumpang sahaja yang sentiasa mendapat keuntungan daripada penumpang-penumpang yang menggunakan bas tersebut, tetapi syarikat bas ini pula kurang bertimbang rasa kepada penumpang-penumpang yang menggunakan bas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Cukai Perjudian. Cukai ini mengikut Belanjawan ini akan menambah Cukai pada tahun 1975 sebanyak \$7 juta sahaja. Ini adalah dianggap kecil sahaja tambahan ini dan, jika perlu, cukai ini patut dikaji semula. Perjudian atau judi ini adalah dimain oleh mereka yang lebih wang yakni mereka yang cukup mampu di dalam permainan ini. Oleh sebab itu, saya suka mengesyorkan supaya permainan judi ini dapat dikawal dengan sebaik-baiknya dan tidak dibenarkan oleh pihak Kerajaan judi ini dimainkan di kawasan-kawasan ataupun di tempat-tempat yang berhampiran dengan rakyat yang tidak mampu. Kerana apabila sahaja rakyat melihat tempat judi ini satu

tempat yang baik, takut pula mereka yang tidak mampu ini akan bersama-sama dengan rakyat yang mampu cuba bermain-main judi ini dan akhirnya rosak kehidupan rakyat yang sudah sedia susah itu.

Di dalam ucapan Belanjawan, 1975, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut negara-negara perusahaan seperti Amerika, Eropah Barat, Jepun kadar inflasi berada di dalam lengkungan pada tahun 1974 sebanyak 12% dan pada tahun 1975 akan menjadi hanya 7%. Bererti Malaysia yang ada perhubungan dengan negara-negara ini akan juga merasai seperti negara-negara perusahaan yang lain. Oleh sebab itu, Dewan ini akan memberi keyakinan kepada rakyat pada tahun ini sebanyak 12% dan pada tahun hadapan sebanyak 7%, bererti inflasi di negara kita ini akan berkuranglah daripada yang sedia ada. Rosotan disertai inflasi di negara-negara perusahaan menyebabkan negara kita mengekspot pada tahun 1973 sebanyak 30%, pada tahun 1974 sebanyak 50%, tetapi impotnya pada tahun 1973 sebanyak 50% dan pada tahun 1974 sebanyak 30%. Diharap pada tahun 1975 sekurang-kurangnya ekspot dan impot kita akan mencapai setaraf dengan tahun 1973.

Tuan yang di-Pertua, di dalam ucapan Belanjawan telah menyebutkan akan menambah pengeluaran makanan yang sedang kurang di negara kita ini dengan membuka seluas 500,000 ekar lagi tanah kita. Saya mengalu-alukan di atas rancangan yang besar ini. Sambil itu, saya suka mengesyorkan kawasan-kawasan sawah yang ada di negara kita ini yang terbiar dan sedang diusahakan oleh Kerajaan supaya dibuka, semula di dalam jangka empat atau lima tahun hendaklah dicepatkan supaya dapat segera tanah-tanah sawah ini dapat ditanam padi pada sawah-sawah tersebut.

Kepada Kerajaan Negeri Perak yang sudah bersama-sama dengan Kerajaan Pusat mengutamakan kawasan pengeluaran makanan, saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak yang sudah memandang berat bersama-sama dengan Kerajaan Pusat hendak membuka lagi kawasan-kawasan tanah dan akan mengutamakan bersama-sama dengan Kerajaan Pusat hendak menambahkan pengeluaran makanan. Oleh sebab itu, sesuai dengan kehendak ini bagi kawasan Matang yang hampir 1,000 ekar sawah tidak dapat dibuka

lagi oleh kerana rancangan parit dan taliair sebanyak \$1.5 juta itu tidak dapat dibuat dengan sepenuhnya lagi, kerana mengikut peraturan yang telah ditentukan akan diusahakan di dalam masa lima tahun. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula dengan cara-cara hendak menambahkan makanan yang sudah disebutkan tadi, eloklah Kerajaan berusaha bukan sahaja lima tahun bahkan dipercepatkan lagi daripada itu.

Tuan yang di-Pertua, terima kasih juga diberi kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan kerana Kementerian ini sudahpun memberi persetujuan pada dasarnya jalanraya Port Weld-Matang Road yang sedang digunakan untuk mengangkut hasil nelayan daripada Port Weld ke Kuala Lumpur, daripada Port Weld ke tempat-tempat lain di negara kita ini, yang pada tiap-tiap hari boleh dianggap banyak juga digunakan akan dibaiki jalan tersebut yang pada masa ini sudah rendah daripada asalnya dan kadang-kadang tidak dapat dilalui oleh kenderaan-kenderaan yang kecil. Saya, bagi pihak rakyat di kawasan tersebut mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan saya yakin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan membuat selewat-selewatnya pada tahun 1976.

Saya suka mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan oleh kerana masalah negeri Perak ini terlalu luas dan Pejabat RIMV yang berada di Ipoh terlalu sebek dianggap oleh rakyat di negeri itu. Kalau kita perhatikan negeri yang begitu luas, rakyat yang begitu ramai tentulah tidak dapat mempercepatkan pentadbiran Pejabat RIMV yang ada di Ipoh itu dapat dilaksanakan seperti kehendak-kehendak rakyat. Oleh itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mempertimbangkan sesuai atau tidak pejabat yang seperti itu ataupun satu pejabat cawangan dibuka di kawasan utara negeri Perak iaitu di Taiping.

Di dalam negara kita ini banyak pasukan-pasukan yang sudahpun disatukan di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat. Ada satu pasukan yang saya anggap masih ketinggalan lagi tidak disatukan di bawah Kerajaan Pusat iaitu Pasukan Bomba. Pasukan ini kita tahu yang sentiasa memberi banyak pertolongan kepada negara, kepada rakyat, apabila sahaja berlaku kebakaran. Kita

selalu melihat kebakaran berlaku baik di dalam bandar mahupun di luar bandar, bolehlah dikatakan Pasukan Bomba di negara kita ini telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan begitu cekap sekali. Mereka ini duduk di bawah berbagai-bagai pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, ada sebahagian daripadanya di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, ada sebahagian daripadanya di bawah pentadbiran Bandaraya dan ada sebahagian daripadanya di bawah pentadbiran Lembaga-lembaga. Oleh sebab itu, pada pendapat saya Pasukan Bomba sama juga seperti Pasukan-pasukan Polis, Pasukan-pasukan Tentera dan yang lain-lain di bawah satu pentadbiran eloklah disatukan menjadi satu pentadbiran di bawah Kerajaan Pusat, supaya pengalaman-pengalaman yang mereka ada daripada bandar-bandar besar dapat mereka menjalankan tugas pula di kawasan-kawasan luar bandar dan mereka yang di kawasan luar bandar ataupun bukan di dalam Bandaraya boleh pula ditukar ke Bandaraya supaya dapat mencari pengalaman berkenaan dengan hal-hal mencegah kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, kerana telah memberi persetujuan hendak memberi bantuan bagi mendirikan Dewan Bandaran Taiping di dalam jangka masa dua tahun lagi. Sungguhpun dewan ini sepatutnya didirikan dengan seberapa segera yang boleh, tetapi rakyat yang duduk di kawasan itu bersimpati dengan keadaan inflasi sekarang dan bersetuju supaya dewan ini dapat dibuat seperti yang dijangkakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri.

Baru-baru ini, kita telah mendengar ataupun melihat bandar Taiping sudahpun menyambut perayaan 100 tahun, tetapi mungkin ada di antaranya yang masih lagi kekurangan di dalam bandar yang tertua ini. Misalnya pejabat-pejabat yang selalu mengambil cukai dari rakyat iaitu Pejabat Tanah, pejabat besar yang mentadbirkan daerah iaitu Pejabat Daerah. Pejabat ini sungguhpun bukan tertua, tetapi pejabat ini sudah dianggap tidak selesa lagi bagi pekerja-pekerja menjalankan tugas-tugas harian di dalam pejabat tersebut. Oleh sebab itu, sukalah saya mengambil peluang

mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengkaji Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah ini eloklah dibuat satu pejabat baru pula di Taiping untuk mengganti pejabat yang telah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ucapan Belanjawan ada menyebutkan bahawa daging dijangka akan cukup di dalam tempoh lima belas tahun lagi. Ini mungkin di negara kita daging yang sudah sedia ada ini dan sudah pun dianggap mahal oleh rakyat, rakyat akan merasa kecewa menunggu-nunggu sekiranya harga daging ini dapat diturunkan semula seperti yang telah lalu. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan berikhtiar mengeluarkan cara pengeluaran daging ini diperhebat lagi sama seperti dengan pengeluaran makanan-makanan lain yang penting di negara kita. Dengan cara ini mungkin harga daging dapat diturunkan dan rakyat yang kurang mampu pula dapat bersama-sama dengan rakyat yang mampu memakan daging sekurang-kurangnya sebulan sekali pun memadai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ucapan Belanjawan yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu berbunyi:

“Meramalkan harga-harga getah adalah satu soal di mana pendapat-pendapat pakar sekalipun adalah berlainan. Walaupun begitu adalah benar bahawa permintaan luar yang lembab akan menurunkan lagi harga-harga getah pada tahun hadapan.”

Dengan ayat ini bererti harga getah yang sudah turun pada masa ini akan turun lagi pada tahun hadapan. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan di sini supaya Kerajaan mengawal harga getah yang sedang turun ini disekatkan supaya tidak turun lagi. Tetapi saya bersyukur dan saya rasa rakyat pun sudah bersyukur kerana di dalam akhbar ada menyebutkan harga getah apabila sahaja sudah diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Johor, harga getah ini telah naik 5½ sen satu kilo. Satu perkara yang patut Kerajaan mengambil perhatian ialah cara-cara mengawal pembeli-pembeli getah daripada pekebun-pekebun kecil, kerana apabila sahaja harga getah ini turun dengan segera turunlah harga yang diturunkan oleh pembeli-pembeli getah itu sendiri. Tetapi apabila harga getah ini naik lambat pula cara naik yang akan dibeli oleh pembeli-pembeli ini. Sepatutnya pembeli-pembeli

ini akan mengikuti perkembangan harga getah ini bersama-sama dengan pekebun-pekebun kecil yang menjual getah mereka pada tiap-tiap hari kerana mereka ini tidak dapat menyimpan getah sehingga beberapa lama. Oleh sebab itu, saya merayu kepada pembeli-pembeli getah yang ada di negara kita ini bertimbang rasa bersama-sama dengan Kerajaan, bersama-sama dengan pekebun-pekebun kecil supaya dapat diseimbangkan cara-cara membeli getah jika turun belilah dengan harga turun tetapi jika naik naiklah dengan segera. Kepada pekebun-pekebun kecil di negara kita ini harga getah mereka selalu disebutkan mutu getah mereka ialah mutu yang nombor lima. Walaupun kadang-kadang getah pekebun-pekebun kecil ini baik apabila sahaja kita melihatnya, oleh sebab itu saya syorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan dapat mengawasi dan dapat menentukan mutu-mutu getah pekebun-pekebun kecil ini tidak dapat dengan begitu mudah ditentukan oleh pembeli-pembeli dengan mutu yang paling rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang tidak berapa hari lagi akan mengisytiharkan Bank Simpanan Nasional. Bank Simpanan Nasional ini ialah akan menggantikan Bank Simpanan Pejabat Pos yang ada pada masa ini. Kepada rakyat yang duduk di luar-luar bandar terlalu gembira apabila sahaja Kerajaan akan membuka sebuah bank untuk mereka, dan kemudahan-kemudahan untuk mereka maka diharaplah kepada Kerajaan cara-cara yang ada pada masa ini diperbaiki lagi. Kalau ada sebahagian daripada yang di luar-luar bandar Pejabat Posnya kurang, jika dapat dibuatkan lagi dan Pejabat Pos Bergerak yang kadang-kadang di satu daerah hanya ada satu sahaja dapat ditambahkan lagi dan dapatlah Pejabat Pos Bergerak ini melawat-lawat penduduk-penduduk yang tinggal jauh di pedalaman.

Saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana baru-baru ini telah membatalkan Peperiksaan Bahasa Malaysia dan akan diperiksa semula pada bulan hadapan. Kepada Yang Berhormat Menteri saya mengesyorkan jika sekiranya ada lagi kertas-kertas soalan yang seperti ini dilakukan di negara kita ini eloklah diambil tindakan seperti mana cara-cara yang diambil tindakan kepada kertas soalan Bahasa Malaysia.

Berkenaan dengan buruh, saya suka menyebutkan di sini bahawa sudah sampai masanya buruh-buruh yang bekerja di kilang-kilang perusahaan ini dapat dipertimbangkan gaji minima mereka, sungguhpun Kerajaan telah berkali-kali menyebut berkenaan dengan gaji ini tidak dapat dijalankan dengan begitu cepat, tetapi keadaan inflasi pada masa ini menyebabkan gaji-gaji buruh yang ada di kilang-kilang sekarang dianggap rendah itu dapat diperbaiki ataupun dapat dipertinggikan lagi daripada yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kerajaan yang sudahpun mengakui di Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Pembebasan Palestine ialah sebuah negeri yang wujud di dunia ini, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang menyokong supaya Pertubuhan Pembebasan Palestine itu menjadi Ahli Bangsa-bangsa Bersatu dan berdoa supaya rakyat Palestine akan berdiri sebagai sebuah negara yang merdeka seperti negara Malaysia ini juga. Dengan ucapan ini saya mengharapkan sangat-sangat kepada Kerajaan supaya dapat mempertimbangkan mudah-mudahan dengan cara ini keadaan negara kita akan terjamin dan maju dari semasa ke semasa.

4.20 ptg.

**Tuan Walter Loh Poh Khan (Selayang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan dengan ikhlas dan memerangsang serta membina bagi Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita menggalakkan Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional mempergunakan Dewan ini untuk memberikan pendapat dan fikiran mereka tanpa ragu-ragu dan segan. Ini sesungguhnya adalah satu langkah yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya fikir menarik perhatian untuk kepentingan negara. Saya juga ingin meminta perhatian penuh daripada Tuan Yang di-Pertua tentang Perasaan saya mengenai Budget ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I refer to the Third Economic Report issued by the Treasury and would highlight a few very important contents in the Report.

#### *Organisation for Economic Co-operation and Development*

I note with concern the economies of the seven major countries which, taken as a whole, declined in the first half of 1974 by an annual rate of minus-1½% real terms. The experts forecast that the recessionary trend has worsened and with this sluggish real growth, unemployment in a number of countries is expected to remain at high levels which, I am sure, include Malaysia.

The industries with a direct bearing on Malaysia's major exports were severely affected by reduced demand. Our rubber export has declined and, with the lack of overseas demand, has resulted in the downward trend of the rubber price. In January, 1974, RSS 1 was 265 cents per kilo; in October, 1974 it was 143 cents per kilo, a decrease of 46%. In December, 1974 the price will fall to 97 cents per kilo.

Mr Speaker, Sir, in 1974, timber and saw-logs exports was estimated to decline by 5% and 8% respectively compared to the growth of 13% for saw-logs and 28% for sawn timber in 1973. The prices for both these items have declined by 10% and 16% respectively. As a result, it has affected our Balance of Payments tremendously.

Mr Speaker, Sir, I also note with concern with regard to our Balance of Payments. The Merchandise Account in 1974 declined from surplus of \$1,657 million in 1973 to \$710 million. The result of both the fall in export volume and export prices and doubling of import values, increased freight charges, outflow of investment income and the continuing service deficit leading to a deficit in the current account of about \$970 million, compared to the 1973 surplus of \$320 million, which means 1974 has a total of \$1,290 million deficit (\$970+\$320).

Mr Speaker, Sir, the deficit in the Service Account has increased by 27½% to reach \$1,510 million. This was mainly due to payments of investment increase to foreign countries that has contributed to this large outflow which formed about 39% of the total service imports.

Mr Speaker, Sir, the basic balance expected to be in deficit for 1974 is about \$270 million. Bearing in mind the 1973 surplus of \$848 million, our actual deficit for 1974 is \$1,118 million.

Mr Speaker, Sir, though Malaysia can absorb this heavy deficit of 1974 because of her very favourable accounts accumulated from previous years, we should not remain complacent.

Mr Speaker, Sir, facts and figures are no doubt important, but facts and figures combined with ideas can be a greater force. The economic outlook for 1975 and prospects for 1976 reported in the Third Economic Report issued by the Treasury has not in one instant mentioned any specific planning as to how Malaysia is to combat the declining economy. We seem to be over-confident by projecting a very bright 1975 and 1976. May I remind the Honourable Minister of Finance that in 1973 he had projected a very favourable Balance of Payments for 1974, instead a very adverse Balance of Payments resulted. Therefore, I suggest that, in view of the expected sluggish growth ahead, we must now plan carefully our strategy to siphon the recessionary trend we have to face. The Government must set up a special committee to study the situation. I suggest that immediate steps be taken to ban import of goods and food where we can produce locally such as:

- (a) tomatoes, potatoes and other vegetable;
- (b) frozen meat;
- (c) rice;
- (d) tinned food;
- (e) rubber components for making tyres, etc;
- (f) cement;
- (g) building materials; and
- (h) all other goods and food that we can produce locally.

We must, therefore, consider taking immediate steps to encourage farming and the manufacturing of goods from raw materials produced locally. I also humbly submit that, in order to check inflation, an Act must be introduced to control prices of all banned imported goods and food.

#### *Education*

Mr Speaker, Sir, more than four-fifths of the unemployed are below 30 years of age. This could be attributed to low educational attainment. In 1974, about 70% of the registrants did not even have the L.C.E. Certificate, 16% with L.C.E. and 14% with

M.C.E. and above. Almost all the job-seekers in every occupational group had no institutional training. May I draw the attention of the Minister of Education to take note of this? We have so few trade schools to train boys and girls for jobs in the various trades and industries that call for different manpower requirements. Though the current emphasis is on Science and Technology, cannot we also provide for more technical and vocational institutes so as to make available more qualified tradesmen for consumption in the private sector?

#### *MARA*

Mr Speaker, Sir, it is surprising that an uprising by MARA students occurred only recently and not earlier. Having had the opportunity on numerous occasions to discuss with them, one quickly understands their hopes and aspirations as well as their fears and frustrations. They have no alternative but to demand—and I repeat, Mr Speaker, Sir, “demand”—for their Institute to be upgraded to the status of a University. However, is this the answer to the problem?

It is an accepted fact that it is not easy for any student fresh from school to undergo a three-year college course and pass examinations such as the C.I.S., A.C.C.A., A.C.M.A. and others. Therefore, the Government must review the situation. Can this suggestion be considered, that is, the Government should look into the other professional bodies in the United Kingdom, such as the Society of Commercial Accountants, London, the Association of International Accountants, London and others. The Government has recognised the Australian Society of Accountants, and I see no reason why the Government does not recognise the A. Comm. A. or A.I.A. whose standards are of the same level as the A.S.A. MARA students will then have a better chance of passing these examinations.

#### *Chinese Independant Schools, Colleges, etc.*

Mr Speaker, Sir, under the Constitution, every citizen has the right to choose the language he wishes to study and yet the Honourable Minister of Education is not prepared to issue new licences for those who wish to open up Chinese Independant Schools to cater for the demand to learn the Chinese

language. I, therefore, appeal to the Honourable Minister of Education to reconsider his decision. No one should be deprived of the right to pursue such an education, whether primary, secondary or higher education of his choice. There has been an argument, perhaps not too realistic, that should a child chooses to study Chinese, he may in the end face great difficulties in obtaining a suitable job. I concede, there is some logic in this argument. But who are we to decide their future? As responsible public servants, I feel we should always help to direct them, to tell them the true situation, but surely not to take upon our shoulders in deciding their future.

### *Customs Tariff Code*

the Constitution provides that such non-Malays should be given every opportunity to learn and use their mother tongue. So long as there is this constitutional safeguard, the Government should not adopt a passive attitude towards mother tongue education. I would, therefore, call upon the Government to provide all facilities for education of Malaysians in their mother tongue at all levels. In fact, one of the most important instruments for creating national unity, goodwill and harmony in our multi-racial society is to encourage each ethnic group to learn one another's language, so that we can break down the communication barrier that may exist between the various ethnic groups. In this way, all Malaysians, whatever their ethnic origin, can better understand one another's sensitivities and thus eliminate the fears that may exist between them.

In a developing country, the educational system must necessarily be geared to both the immediate and long-term needs of the community it serves. This is particularly true of higher education and technical and vocational training. The curriculum and teaching content must be designed to meet the requirements of both the public and private sectors for trained personnel. As Malaysians we have also to look at higher education in the context of our Malaysian society. The dilemma is this: we have limited places in our institutions of higher learning and at the same time we want to redress the imbalance in our society. There is today a growing feeling of frustration among the well qualified Malaysians who cannot get admission to universities and technical institutes.

A disturbing feature is the recent spate of student unrests in a number of educational institutions, not necessarily in Universities but even in polytechnics and agricultural schools in our country. One begins to ask oneself whether our education system is producing an undisciplined society or have our educationists failed to grasp the problem of the generation gap? Have the sense of values in our society changed or have different values been imported from abroad? I leave the answer to these questions to all Malaysians who value and uphold the Rukunegara.

On the subject of stagflation, which is used nowadays by economists to describe a

situation where the economy is stagnating or even decelerating but with continuing inflation—a phenomenon which is worldwide—and on account of our open economy, we in Malaysia cannot escape the backlash of recession and inflation in the industrialised countries, the problem is how to meet the situation ahead, at least for the next year. To economists, stagflation provides a conflicting situation for, if one has to counter recession, one has to pump the prime so that the multiplier effect can be felt throughout the economy, but if we pump the prime too hard, it will tend to make the inflation worse. I see that the Minister of Finance is budgeting for a sizeable public sector expenditure, both operating and development, and this is typically Keynesian in terms of deficit financing in order to pump the prime. A high rate of public consumption will undoubtedly lead to inflation as there is not much flexibility in this area, but it is in the area of public investment that there should be judicious exercise of discretion, so that projects which continue to heat the economy should be given lower priority. In other words, if there is a shortage of certain types of labour and a rise in the prices of certain types of raw materials, whether it is produced domestically or imported, public investment should stay clear of those projects which utilise such labour and raw materials. Instead, there should be an intensification of projects in those areas where there are distinct labour shortages—where there is a lot of unemployed labour—and utilise raw materials which are at present at low prices, e.g. rubber, timber, etc.

Inflation, of course, is a phenomenon which has been rampant in the industrialised countries for many years, but to Malaysians who have been used to a relatively stable price and income for over two decades (from 1950 to 1970), there has developed what the Treasury Economic Report calls an "inflation psychology" amongst our people. Although some of our inflation is imported, it cannot be denied that our businessmen and consumers have to share in the blame because whenever there is a fear of shortages of certain commodities, and thus expecting prices to rise, the first reaction is that wholesalers and retailers begin to hoard and consequently consumers rush in to buy more than what they need for fear that prices will escalate, thereby adding to the artificial

shortage, thus pushing up prices. I feel that our people must be educated in moving away from this "inflation psychology" and Government on its part must be bold and imaginative on measures to counter price inflation. If, despite measures such as abolishing import duties and providing subsidies on essential foodstuffs, etc, the consumer continues to pay more than before, then there must be something basically wrong in our economic system.

I would venture to suggest that we need to overhaul our entire distribution and marketing system. We need to review whether the institutional framework for encouraging greater agricultural production in terms of provision of fertilisers, seeds, credit facilities, processing and marketing can be modernised to keep in step with the modernisation that has taken place in the production scene.

Anyone familiar with the marketing system in this country knows that it is a vestige of the colonial era. There still exists monopolistic influences in the distribution network whether of imported items or locally produced goods. So long as such monopoly or oligopoly—as economists call it—exists, it is difficult to break the distribution chain because there exists credit links which stretch from the importer to the wholesaler right down to the retailer. The Government can reduce import duties on any number of imported goods, but the benefit of such reduction cannot be immediately passed on to the ultimate consumer unless the distribution system can be drastically changed.

One of the measures which I venture to suggest to combat rising prices, particularly of essential foodstuffs is to have forward planning to ensure that transient imbalances in supply and demand can be kept to the minimum. This is particularly important during festive seasons like Hari Raya, Christmas, Chinese New Year and Deepavali. This can be done by maintaining a stockpile of essential commodities and properly operated, such a stockpile can avoid the creation of artificial shortages and thus stabilise prices of essential commodities. Stockpiling, of course, implies that the Government has to decide on a prices policy and that, at levels above certain prices which will become unbearable on the low income groups, Government will have to subsidise either domestic production or imports.

Government is, in fact, doing so in the case of rice, sugar and a few other essential foodstuffs. Any such price subsidy scheme would, of course, involve considerable social cost since it is merely one form of redistribution of income. The effect of such social cost and social benefit on the national economy will no doubt have to be carefully considered.

Tuan Yang di-Pertua, there is no doubt that as we enter the year 1975, we are faced with a changing world situation brought about by stagflation. As Yang Berhormat Minister of Finance himself has said, "the issue before us is to summon our abundant resources and our best efforts collectively, and thereby gear ourselves to meet the challenges and hard times ahead". It is in this context that I say that the Budget is a catalyst to change the attitudes of our people, so that they can play their part in meeting the challenges of the future. By and large, it can be said that Malaysia is in a slightly more fortunate position than most developing countries, but we cannot afford to be complacent. The signs for our continued economic growth are still there, but we must be efficient and keep in step with developments elsewhere in the world.

5.42 *ptg.*

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan negara bagi tahun 1975 yang diucapkan pada 12hb November, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua Ahli Yang Berhormat adalah sependapat dengan saya bahawa ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada kali ini adalah tepat, sesuai dan kena pada masanya di mana negara kita sedang menghadapi inflasi dan stagflasi. Tetapi apa yang menarik perhatian saya sungguhpun negara kita menghadapi keadaan yang saya katakan tadi, Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dengan tegas telah menyatakan bahawa Kerajaan tetap akan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan seperti mana yang telah dijanjikan, walaupun Kerajaan terpaksa menanggung bebanan yang amat berat bagi menjayakan pembangunan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati kerana ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu adalah selaras dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Persidangan Parlimen Keempat, Penggal Pertama ini. Ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu yang inti-sarinya adalah menekankan untuk kita berdikari atau berdiri atas kaki sendiri, dan kita berharap pada satu masa nanti kita akan dapat menggunakan apa yang ada pada kita. Ertinya kita tidak lagi mengharapakan bahan-bahan daripada luar terutamanya untuk bahan-bahan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan persiapan-persiapan yang telah diatur oleh Kerajaan, kita akan dapat mengatasi keadaan seperti yang saya katakan tadi, apatah lagi memandangkan keadaan negara kita, sebuah negara pertanian yang subur, dan saya teringat kepada pepatah atau peribahasa Melayu yang mengatakan: "Hidup kerana hendak makan, dan makan kerana hendak hidup". Saya percaya daripada apa yang menjadi pengalaman kita selama ini bahawa kita adalah pada peringkat yang pertama, iaitu "Hidup kerana hendak makan". Maksud saya dengan rancangan-rancangan yang telah disusun oleh Kerajaan, memandangkan keadaan bumi kita, ertinya kita boleh menyampaikan hajat kita, apa yang kita hendak makan, kita boleh dapat dan kalau kita hendak makan 5 kali sehari pun boleh kita dapati, tidak seperti setengah-setengah negara rakyatnya ada yang mati kerana kelaparan seperti maksud rangkap yang kedua itu, iaitu "Makan kerana hendak hidup". Tetapi dalam saat seperti ini, saat inflasi dan kejatuhan harga getah, keadaan apa yang saya katakan tadi, tidak boleh kita dapati lagi di setengah-setengah tempat dalam negara kita terutamanya kawasan-kawasan yang bergantung harapannya kepada hasil getah. Sebagaimana ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di kawasan pilihanrayanya beberapa hari yang lalu bahawa ada setengah penduduk dalam kawasannya makan nasi sekali sehari.

Jadi apa yang saya hendak katakan di sini, walaupun, rakan-rakan saya telah banyak memperkatakan berkenaan dengan getah, saya juga turut bersimpati bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat itu terhadap nasib pekebun-pekebun getah khasnya pekebun-pekebun kecil. Dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan

tahniah di atas langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan termasuklah langkah-langkah yang terbaru yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa Kerajaan mungkin akan menjalankan satu langkah iaitu Kerajaan terus membeli getah-getah daripada pekebun-pekebun kecil. Tetapi memandangkan budi pekerti getah, barangkali getah telah berada di negara kita lebih daripada 70 tahun dan kita tahu benar budi baik getah di masa dia baik harganya melambung tinggi, tetapi masa getah merosot. Sebaliknya pula sepanjang ingatan saya, keadaan meleset sebelum Perang Dunia Pertama dan demikian juga masa keadaan meleset sebelum Perang Dunia Kedua membawa kezaman pemerintahan Jepun bahawa getah langsung tak laku.

Apa yang menarik perhatian saya setiap kali harga getah jatuh, setiap kali rakyat yang menggantungkan harapan kepada getah tadi menderita dan setiap kali seperti itu juga Kerajaan termasuk wakil-wakil rakyat daripada pihak Kerajaan mendapat kecaman, kata nista dan sebagainya. Tetapi, rancangan-rancangan yang saya katakan tadi, ada rancangan jangka pendek dan bila sampai harga getah merosot masalah ini timbul kembali. Apa yang saya hendak tekankan di sini supaya satu langkah yang kongkrit, langkah yang mungkin dapat mengatasi keadaan ini terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya mencadangkan supaya Kerajaan memberi kemudahan-kemudahan kepada pekebun-pekebun kecil, terutama getah-getah yang tua yang tak mengeluarkan getah lagi supaya menukarkan tanaman itu dengan tanaman-tanaman yang sesuai, dengan kemudahan-kemudahan yang boleh diberikan kepada pekebun-pekebun kecil. Saya percaya dengan cara ini tidak lagi timbul masalah-masalah pekebun-pekebun kecil getah yang bergantung hidup dengan getah akan menderita. Pada waktu ini setengah-setengah pihak cuba menggunakan kesempatan bagi memburukkan Kerajaan, supaya rakyat menentang Kerajaan.

Saya dapat tahu seperti di Negeri Johor pihak RISDA telahpun menjalankan langkah-langkah ini tetapi saya nampak langkah itu

adalah baru sebahagian kecil sahaja. Saya dapat tahu juga apa yang menjadi masaalah kepada rakyat ataupun pekebun-pekebun kecil getah untuk menukarkan tanaman mereka terpaksa membayar kerana mengubah syarat yang bayarannya barangkali \$40 satu ekar dan kalau mereka mempunyai 10 ekar atau 20 ekar tentulah menjadi keberatan kepada mereka.

Saya mencadangkan bahawa memandangkan keadaan pekebun-pekebun kecil getah ini akan menerima keadaan yang sama bila getah merosot sedangkan selama getah berada dalam negara kita walaupun satu masa dahulu kita patut berterima kasih, kepada getah yang telah mengambil peranan penting dalam ekonomi negara, tetapi sebahagian besar daripada masa getah tadi adalah dalam zaman merosot. Saya harap supaya pihak yang berkenaan dapat menimbang, mengurang ataupun memansuhkan langsung bayaran mengubah syarat yang kita tujukan khas kepada pekebun-pekebun kecil getah yang hendak mengubah ataupun hendak menggantikan dengan tanaman yang lebih ekonomi yang tidak akan mengganggu pencarian mereka apatah lagi di zaman inflasi ataupun harga getah turun dan musim hujan yang benar-benar menyusahkan rakyat ataupun pekebun-pekebun kecil getah tadi. Kita berharap keadaan seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai inflasi dan stagflasi, saya suka menekankan di sini bahawa negara kita adalah sebuah negara yang telah diciptakan begitu rupa yang dari segi pengalaman terlampau banyak wang kita mengalir keluar samada secara langsung atau tak langsung. Memandangkan kepada keadaan sekarang ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan kita mengkaji semula dan kalau boleh kita menyekat terus kerana sebagaimana yang saya dapat tahu negara Amerika Syarikat sendiri sebuah negara yang kaya telah mengadakan sekatan-sekatan seperti ini. Maksud saya menyekat pengaliran wang samada secara langsung atau secara tak langsung.

Secara langsung, saya dapat tahu walaupun rakyat negara kita ini sudah mengaku taat setia kepada negara ini, ramai lagi mereka menghantar wang ke negara nenek-nenek-moyang mereka atau negara asal mereka samada ke negeri China, India dan ke Indonesia atau sebagainya. Saya percaya

manakala mereka telah menjadi rakyat negara ini mungkin mereka tidak ada lagi keluarga yang rapat di negara-negara yang tersebut melainkan keluarga-keluarga yang jauh. Perkara ini patut difikirkan memandangkan kepada keadaan seperti yang saya katakan tadi supaya wang kita tidak mengalir terus-menerus keluar negeri. Secara tak langsung ialah syarikat-syarikat perdagangan asing atau pelabur-pelabur asing dan yang kita nampak terang, misalnya syarikat-syarikat perfileman, iaitu panggung-panggung wayang yang saya nampak di seluruh negara kita yang pada setengah-setengah pihak tak nampak bahawa inilah juga sebagai satu pihak yang banyak memainkan peranan penting mengambil wang rakyat. Kemudian wang itu sebahagian besar daripadanya dihantar ke negeri lain kerana panggung-panggung wayang ini dipunyai, dikuasai oleh orang yang bukan warganegara.

Saya tidak berhajat di sini supaya Kerajaan mengadakan satu undang-undang dimiliknegerakan tetapi satu langkah yang tertentu patut diadakan samada ketika hendak membaharui lesen panggung-panggung tadi disyaratkan sekurang-kurangnya 30% saham ataupun modal itu hendaklah diberikan kepada warganegara atau kepada bumiputra. Sekurang-kurangnya adalah juga penyertaan warganegara dalam bidang-bidang yang saya katakan tadi dan tidaklah yang itu terus-menerus mencurahkan keluar dan banyak lagi perkara-perkara yang patut kita kaji memandangkan keadaan kemerosotan dan inflasi yang sedang menyerang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-akhir ini sering berlaku perkara-perkara jenayah di seluruh negara, dan telah ditimbulkan di suratkhobar-suratkhobar termasuklah dalam kawasan Batu Pahat. Sebenarnya dalam daerah Batu Pahat itu ada empat kawasan pilihanraya. Kadang-kadang berlaku di kawasan Ayer Hitam dalam daerah Batu Pahat juga, di Parit Sulong dan di Semerah pun dalam daerah Batu Pahat juga tetapi kerana kawasan pilihanraya saya di Batu Pahat, semua orang menyangka perkara itu berlaku dalam kawasan saya.

Apa yang saya hendak titikberatkan di sini, mereka yang menjalankan kegiatan-kegiatan ini termasuklah gangster-gangster dan sebagainya yang kebanyakannya dilakukan oleh belia-belia yang dalam lingkungan

umur belasan tahun atau dua puluhan dan secara tak langsung berani saya katakan di sini, kebanyakan yang terlibat dalam gangster-gangster itu terdiri daripada pemuda-pemuda Tionghua.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah rancangan-rancangan belia, terutamanya saya katakan, kurang disertai oleh belia-belia daripada kaum Tionghua, begitu juga rancangan gotong-royong dan sebagainya. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian dan perkara ini sekurang-kurangnya melantik seorang Penolong Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun Pegawai Belia di tiap-tiap daerah itu, daripada orang Tionghua sebagaimana Pegawai Urusan China (Chinese Affairs) di tiap-tiap daerah. Tujuannya supaya menarik belia-belia Tionghua terutama dalam lingkungan umur belasan tahun dan dua puluhan supaya dapat menyertai persatuan-persatuan belia. Dengan cara itu, kita dapat memberikan aktiviti-aktiviti ataupun bidang-bidang permainan dan sebagainya yang mungkin boleh meringankan kegiatan mereka dalam lapangan lain oleh kerana mereka tak ada kegiatan-kegiatan ataupun tak menyertai kegiatan belia menyebabkan masa lapang mereka banyak terbuang, maka timbullah perkara-perkara seperti yang saya katakan tadi. Eloklah satu langkah yang tegas dapat kita ambil untuk mengatasi perkara ini selain daripada itu dapat menyatu-padukan antara belia-belia Tionghua dan juga belia-belia yang bukan Tionghua terutama belia-belia bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarik perhatian saya dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat juga, setelah perhubungan diplomatik di antara negara kita dengan negara Kominis China diadakan atau tegasnya selepas Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri melawat negeri China ramai orang menyangka bahawa perhubungan itu membuka peluang atau memberi keistimewaan terutamanya kepada keturunan-keturunan China untuk mendapatkan kerakyatan atau sebagainya.

Perlu saya katakan di sini perhubungan antara kita dengan negeri China adalah perhubungan antara negara dengan negara dan perkara-perkara yang berhubungan dengan kerakyatan dan sebagainya, saya percaya

tentulah berjalan sebagaimana biasa. Misalnya, kita berkelahi dengan sebuah rumah jiran kita, kalau kita semula berbaik takkanlah kita bebas pula masuk ke rumah jiran kita dengan sewenang-sewenangnya atau sebaliknya. Perkara ini tentu tidak mungkin berlaku. Tetapi setengah-setengah pihak terutamanya daripada ahli-ahli Pembangkang menggunakan issue ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang tetap menjalankan undang-undang yang ketat, terutama kemasukan atau kedatangan orang-orang daripada Republik Rakyat China, kerana saya tahu dan saya percaya pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan sedar mereka yang telah mendapat didikan kominis, terutama daripada kecil memang susah kita hendak ubah. Itulah pada perasaan mereka ideologi yang paling baik dalam dunia ini. Jadi dengan undang-undang yang ketat kita harap perkara ini tidak akan membahayakan negara kita. Kita ingat negara jiran kita Indonesia, hubungan yang mereka buat dengan Negeri China, berlakulah perkara-perkara seolah-olah campurtangan pihak negeri Kominis China dalam negara Indonesia yang akhirnya membawa kepada perkara-perkara yang telahpun kita ketahui dan sekarang perhubungan yang ada diputuskan. Jadi memandang kepada keadaan ini adalah menjadi contoh dan tauladan kepada kita. Saya percaya rakan-rakan saya dari pihak Pembangkang sedar tentang perkara ini dan tidak akan menimbulkan perkara-perkara seperti mana yang saya katakan tadi kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan saya tidak berhajat hendak menyentuh perkara-perkara yang lain, tetapi yang saya nampak perkhidmatan Keretapi dari Johor Bharu ke Singapura patutlah dikaji semula, kerana saya percaya tidak berapa orang penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini, kecuali barang-barang, dan dengan adanya pelabuhan Johor yang kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dan mungkin dalam masa yang tidak berapa lama lagi akan siap. Saya mencadangkan patutlah kita mengkaji daripada sekarang dan kalau perlu kita berhentikan langsung, kita gunakan pelabuhan kita, barang-barang yang sekarang diangkut oleh keretapi terus ke Tanjung Pagar, kita gunakan pelabuhan kita

dan dengan cara tidak langsung kapal yang menunggu barang-barang itu yang sepatutnya di pelabuhan Singapura datang ke pelabuhan kita. Ini sesuai dengan apa yang saya katakan tadi, kita dengan seberapa boleh hendaklah berdiri di atas kaki sendiri menggunakan apa-apa yang ada pada kita. Saya percaya perbelanjaan yang kita gunakan untuk mengadakan perkhidmatan keretapi dari Johor Bahru ke Singapura banyak juga.

Berkenaan dengan kerugian keretapi, memanglah kalau kita pandang dari segi perniagaan memang rugi. Tetapi kita pandang pula dari segi yang lain, dari segi perkhidmatannya kepada orang ramai, sebagai satu perkhidmatan saya rasa keretapi juga telah dapat menjalankan tugasnya. Cuma apa yang perlu saya katakan di sini, saya berseru kepada pihak kakitangan keretapi, khasnya Persatuan R.U.M. supaya bersama-sama dengan Kerajaan mencari jalan bagaimana hendak membaiki perkhidmatan keretapi supaya dapat untung. Mereka kadang-kadang mengambil tindakan yang tegas untuk mencapai cita-cita mendapatkan taraf kerja, gaji dan sebagainya. Saya rasa R.U.M. juga patut bersama-sama mencari jalan bagi membaiki perkhidmatan keretapi setanding dengan perkhidmatan keretapi di negara-negara yang telah maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh sedikit mengenai dengan letrik atau Lembaga Letrik Negara. Sebagaimana yang telah saya perkatakan di Dewan ini pada masa membahaskan Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dahulu, letrik adalah penting bukan untuk hiburan, untuk tayangan televisyen atau radio semata-mata bahkan yang pentingnya untuk pembangunan, terutama hendak membawa fekteri-fekteri ke luar-luar bandar dengan tujuan hendak memberi kerja kepada rakyat. Banyak lagi tempat-tempat yang sepatutnya telah mendapatkan bekalan ini tetapi belum lagi mendapat bekalan L.L.N. ini termasuklah dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Apa yang hendak saya tekankan di sini dalam lawatan saya ke kawasan saya baru-baru ini, saya telah dimaklumkan bahawa 26 Majlis-majlis Tempatan dan pekan-pekan kecil, termasuklah dalam kawasan pilihanraya saya, yang selama ini bekalan letriknnya dijalankan oleh pihak swasta. Oleh kerana desakan atau rayuan mereka supaya pihak yang berkenaan

membenarkan mereka menaikkan bayaran (rate) memandangkan kenaikan harga minyak disel dan juga minyak hitam, saya telah mendapat tahu permohonan itu telahpun dimajukan tujuh bulan yang lalu dan satu kata dua nampaknya telah diberi sekiranya permohonan mereka tidak diluluskan, mereka akan berhentikan perkhidmatannya mulai satu haribulan Disember ini. Jadi sekiranya perkara ini berlaku tentulah rakyat di bandar-bandar tersebut yang dikatakan 26 pekan-pekan termasuklah pekan dalam kawasan pilihanraya saya, dan lain-lain terutama peniaga-peniaga akan menerima akibatnya. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menimbangkan perkara ini. Saya juga diberitahu bahawa tindakan ini diambil kerana kerugian yang mereka terima. Tetapi saya juga menyeru kepada mereka janganlah mereka hanya menyalahkan Kerajaan, saya percaya kalau tahun ini mereka rugi kerana kenaikan harga minyak, tetapi saya percaya beberapa tahun yang lalu mereka untung. Mereka sepatutnya bertimbang rasa sebelum satu-satu tindakan mereka ambil, mereka patut memikirkan kepentingan ramai sehingga Kerajaan dapat mengambil satu-satu tindakan yang sewajarnya. Saya harap benar-benar hal-hal seperti ini kita patutlah memikirkan kepentingan ramai daripada kepentingan perseorangan ataupun satu-satu kumpulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh juga mengenai dengan pengkalan udara yang ada di negara kita, misalnya, di sebelah utara pengkalan udara di Butterworth, Kuantan, di Pantai Timur, Kuala Lumpur di tengah-tengah. Saya fikir satu pengkalan seperti itu patut juga diadakan di sebelah selatan Semenanjung Malaysia ini. Saya rasa di bahagian selatan ini yang sesuai ialah di Johor, dan saya mencadangkan bahawa lapangan terbang tentera di Tanjung Labuh adalah sesuai sekiranya rancangan itu diadakan, kerana lapanganterbang itu telahpun dibina sejak British dahulu kemudian digunakan zaman pemerintahan Jepun. Baru-baru ini dalam lawatan ke kawasan saya, saya telah diberitahu oleh pengundi-pengundi saya di situ bahawa oleh kerana lapanganterbang itu telah ditinggalkan, tetapi boleh digunakan dan saya dapat tahu latihan-latihan udara diadakan di situ, kadang-kadang kapalterbang-kapalterbang yang tidak dikenali turun secara haram,

tetapi saya tidaklah melihat sendiri, ini adalah apa yang diterangkan kepada saya oleh penduduk-penduduk di sekelilingnya, mereka bimbang mungkin satu-satu gerakan samada gerakan penyeludupan ataupun gerakan-gerakan yang lain dibuat menerusi lapangan-terbang ini. Dengan sebab itulah saya merayu kepada pihak yang berkenaan sekiranya dapat menimbang apa yang saya katakan tadi atau sekurang-kurangnya dijadikan satu kem tentera yang juga memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Pelajaran, sebagaimana rakan-rakan saya, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah mengambil perhatian berat dalam hal pelajaran, dan kita tahu sebahagian besar daripada peruntukan negara adalah diberikan kepada Kementerian Pelajaran. Kita juga menyedari betapa penting dan perlunya perkara ini. Tetapi apa yang saya hendak katakan di sini bahawa sejak akhir-akhir ini gerak langkah pelajar-pelajar kita termasuklah mahasiswa di universiti, institusi-institusi, sekolah-sekolah menengah dan akhir-akhir ini di sekolah rendah melakukan tunjuk-tunjuk perasaan. Seolah-olah Kerajaan kita tidak mahu berunding. Padahal setahu kita Kerajaan adalah setiap masa sedia menerima pandangan-pandangan daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita biarkan keadaan ini kita tidak tahu apa hendak jadi kepada mereka ini, walhal mereka inilah bakal-bakal pemimpin-pemimpin yang kita harap-harapan pada masa akan datang. Saya berharap dan menyeru supaya Jawatankuasa yang akan mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran kita supaya mengambil perhatian dalam perkara ini dan kalau perlu satu undang-undang atau satu peraturan yang ketat diadakan untuk menyekat perkara ini. Kita tidaklah hendak menyekat kebebasan penuntut-penuntut kita, tetapi apa yang mereka lakukan ini saya rasa sudah keterlaluan sangat, seolah-olah di negara kita ini atau pemimpin-pemimpin kita tidak boleh diajak berunding secara aman dan damai. Ini perlu, Tuan Yang di-Pertua.

Baharu-baharu ini saya juga telah diberitahu oleh rakan-rakan saya, terutama sekali dari kawasan pilihanraya saya sendiri mengenai dengan tanggungajaji guru besar di

sekolah-sekolah rendah. Tuan Yang di-Pertua, ini telahpun ditimbulkan oleh rakan-rakan saya dan oleh kerana pentadbiran sekolah bukanlah semata-mata bergantung kepada guru besar, bahkan kerjasama yang erat daripada guru-guru yang ada di sekolah itu. Saya percaya sebelum perkara ini berlanjutan perlulah satu-satu tindakan ataupun dikaji balik semula bagaimana cara yang sesuai, kerana saya dapat tahu dari Laporan Aziz dahulu, guru-guru besar akan diberi elaun semasa dia menjadi guru besar. Bila ditukarkan dia tidak lagi menjadi guru besar, balik semula kepada gaji asalnya. Siapa yang menggantikan tempatnya sebagai guru besar, dia akan mendapat elaun yang saya katakan tadi. Saya nampak benar rasa tidak puas hati, terutama daripada guru-guru penolong yang setengahnya mempunyai kelulusan professional dan akademik yang lebih, tetapi oleh kerana tidak ada peluang untuk menjadi guru besar mereka tidak dapat gaji yang saya katakan tadi dan ini mungkin akan melibatkan pentadbiran sekolah tidak berjalan dengan begitu baik.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya fikir bagi menyelamatkan masa perkara yang sudah dibangkitkan di dalam Dewan ini tidak payah diulang-ulangkan lagi.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Ada satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak terangkan di sini iaitu mengenai dengan FELDA. Kita berasa besar hati di atas kejayaan-kejayaan yang telah didapati oleh FELDA dengan hasil pendapatan yang begitu lumayan, hingga menimbulkan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh setengah-setengah wakil-wakil rakyat dan sebagainya.

Tuan yang di-Pertua, saya menyentuh satu sahaja, iaitu mengenai dengan permohonan-permohonan untuk menyertai FELDA ini. Saya diberitahu dan diminta oleh beberapa orang, terutama sekali dalam kawasan pilihanraya saya supaya membawa-kon kepada pihak yang berkenaan, iaitu mereka yang telah membuat permohonan, misalnya, dalam tahun 1970, mereka menunggu dan tidak pula membuat permohonan lain, kerana mereka percaya mereka akan dapat. Pada masa itu umur mereka boleh melayakkan mereka dalam rancangan ini iaitu tidak lebih daripada 35 tahun, tetapi tunggu punya tunggu mereka dapat

jawapan dalam tahun 1974. Waktu itu umur mereka sudah lebih dan mereka tidak dapat menyertai rancangan ini. Mereka berharap mereka yang seperti ini diberikan peluang walaupun umur mereka telah lebih supaya dapat menyertai Rancangan FELDA itu.

Tuan Yang di-Pertua, hanya ada satu sahaja yang saya hendak sentuh sebelum saya akhiri ucapan saya iaitu mengenai dengan Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kementerian ini atau Jabatan Kesihatan yang telah bekerja sungguh-sungguh pada membasmikan ancaman demam denggi, terutamanya dalam kawasan pilihanraya saya, kerana di kawasan Batu Pahatlah kawasan yang paling teruk penyakit ini menyerang rakyat. Apa yang saya hendak perkatakan walaupun saya telah perkatakan dahulu, tetapi nampaknya belum dapat jawapan yang tertentu, iaitu memandangkan Daerah Batu Pahat dan Hospital Daerah yang ada sekarang telah tua, telah uzur dan saya dapat tahu rancangan-rancangan dan tapaknya pun telah didapati. Apa yang saya hendak perkatakan di sini supaya dapatlah kiranya rancangan atau pembinaan Hospital Daerah Batu Pahat itu disegerakan sesuai dengan keadaan masa, apatah lagi memandangkan bangunan Hospital Daerah Batu Pahat yang telah tua dan uzur itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya hendak memberikan peluang kepada rakan-rakan saya yang lain, jadi saya rasa setakat inilah dahulu dan saya dengan tegas menyokong penuh Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi Belanjawan negara tahun 1975 yang akan datang ini.

6.18 *ptg.*

**Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang):**

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini menyokong usul Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengemukakan Ucapan Belanjawan beliau. Kita telah semua menunggu-nunggu ucapan beliau itu dan kita juga menunggu untuk mengetahui apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi dua daripada cabaran-cabaran dramatik yang kita akan hadapi dalam tahun hadapan, iaitu cabaran inflasi dan cabaran kemerosotan ekonomi (stagflation).

Pada pendapat saya, Yang Berhormat Menteri kita setakat ini telah berjaya dengan

cemerlangnya. Ucapan beliau telah menunjukkan pengertian yang waras tentang masaalah-masaalah dan tekanan-tekanan kewangan dan ekonomi kita. Langkah-langkah mengenai cukai yang telah diumumkan oleh beliau adalah menasabah dan progressif. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri tidak akan mensifatkan langkah-langkah Belanjawan beliau sebagai satu langkah untuk membelasah mereka yang kaya-raya (soak the rich), tetapi langkah-langkah kewangan dan cukai yang dibentangkan oleh beliau adalah mengandungi potential ke arah haluan baharu dan menunjukkan bertambahnya sikap progressif dalam dasar-dasar kewangan dan cukai kita.

Kita semua sedar bahawa seorang Menteri Kewangan memang ingin mengekalkan punca-punca hasil negara yang lumayan, yang berasaskan dengan seluas-luasnya dan juga ingin menambah dengan punca-punca hasil baharu untuk menambahkan lagi hasil negara yang diperlukan untuk membiayai keperluan pembangunan dan pengurusan Kerajaan yang kian bertambah. Oleh sebab itulah Cukai Jualan yang sangat tidak disukai ramai masih lagi diteruskan.

Kita juga dapati bahawa dua langkah baru diadakan yang mana saya percaya akan diawasi oleh Yang Berhormat Menteri kita setiap tahun berhubung dengan potential penuh langkah-langkah tersebut. Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah tersebut ialah Excess Profit Tax dan Service Tax.

Tuan Yang di-Pertua, soal keadilan dalam pembahagian pendapatan-pendapatan adalah penting bagi kita di Malaysia dari segi Dasar Ekonomi Baru yang menitikberatkan penghapusan kemiskinan. Tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai soal keadilan dalam pembahagian pendapatan ini akan menentukan kebolehan Kerajaan kita mengekalkan kepercayaan rakyat-rakyat terhadapnya dan juga kebolehan Kerajaan kita menyekat tekanan-tekanan mengenai kenaikan gaji. Sekiranya tindakan-tindakan yang wajar tidak diambil oleh Kerajaan, ianya akan memburukkan lagi keadaan inflasi. Sungguhpun langkah-langkah Excess Profit Tax yang diumumkan itu tidak begitu membebaskan, tetapi ianya menunjukkan keazaman Kerajaan untuk menentukan bahawa firma-firma tidak menaikkan harga barang-barang dengan

sesuka hati sahaja semata-mata untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan, yang menyusahkan rakyat jelata, terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk melanjutkan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it seems almost unconscionable, indeed sadistic, that, while the prices of consumer essentials are raised, the firms involved make profits which are exorbitant by any standard of a fair return to capital invested. It is, therefore, fair and just, and a necessary part of our fight against inflation, that these excessive profits are re-cycled for the benefit of the ordinary workers and consumers, through the tax mechanism. The new measures introduced on Excess Profits on companies and individuals effectively raise the marginal rate of taxation for the companies and individuals concerned by 5% in the top brackets. One could well argue that this marginal rate for the top brackets should have been more than 5%, or that the 25% ratio of profit to shareholders' funds should have been pegged at a lower level. But this is a matter of judgment as to what is appropriate as the first step and what would be the most reasonable level of tax, particularly in a recessionary year. We should all, however, commend the Minister for having brought this measure onto our tax book and, as I said earlier, I am sure the Minister of Finance will watch this measure for its full potential in the years to come.

What is particularly welcome, Mr Speaker, Sir, is the introduction of this measure at a time when trade unions, faced with continuing erosion of worker incomes through inflation, are increasing their pressures for compensatory wage adjustments. While Government has taken a realistic attitude towards the initial pressures on the wage front by awarding special relief allowances and a bonus, the pressures on the wage front will continue. We are in distinct danger of allowing our wage levels to add further rounds of pressure on the general prices. While we may expect some relief on prices through expansion of supplies of vital investment and consumer goods, wage and service costs, both here and abroad, could well mitigate against any real reduction of prices of most commodities and activities—

the cost of homes, transport services, clothing, personal services, laundry services, haircuts, and so on.

It is, I think, important that worker incomes are defended against further erosions through price increases. The question is: How? Most of our trade unions and workers, I think, will appreciate that what is important is not, as one leading trade unionist put it, the amount of "paper" in the pay packet, but the purchasing power of the money in it. For this, most of our trade unionists would also agree that the primary front on which the battle must be fought is prices and not so much through wage adjustments. While the Government should, as it is already doing, control the prices of a selected group of essential commodities, the major approach of the Government should be through its tax measures and through anti-inflationary policies and the other fronts. The Government should also, as has been done in this Budget, continue to ensure that both workers and employers bear a fair share of the burden of inflation. If these can be achieved, the confidence of trade unionists and workers can be maintained in our anti-inflation battle. Necessary wage adjustments would, of course, have to be made, but due care would also have to be taken to ensure that the real relief provided to workers is through prices of the things they buy rather than through increases in the "paper" in their pay packet.

In this regard, I commend the Honourable Minister of Labour and Manpower for the Code of Conduct that he has initiated, to meet these inflationary pressures and the hardships on workers through retrenchment. I hope that the discussions which are now proceeding with the employers' and workers' organisations will continue to be held in a realistic atmosphere, both sides being sensitive to the more important issues involved.

While I welcome the tax measures and the reliefs introduced by the Honourable Minister of Finance, it is to be hoped that the Honourable Minister will appreciate that the real battle on the prices front in countries like Malaysia, can only be won after a careful look at the levels of tariff protection we have provided to our industries. This becomes particularly important when we push ahead with measures to produce here in Malaysia itself most of the commodities we

need for consumption and industrial development. If we are not careful enough, the levels of tariff protection that we provide to these new industries could well lead to a situation, where the price for self-sufficiency could well be very high levels of domestic prices for these commodities which we produce at home. Levels of protection could be so unduly high, that gross inefficiencies exist in our industries and monopolies and cartel-like positions could so quickly be built up that we would have traded for the security of ready supplies the pain of high cost to our consumers and investors.

I would urge the Honourable Minister of Finance and the Honourable Minister of Trade and Industry to review our present approach to this matter carefully and urgently with two aspects in mind:

- (1) Is the level of tariff protection we are providing to industries so high that the efficiency of our industries has been sacrificed, or, unduly high profit margins are being earned, both at the expense of Malaysians themselves?
- (2) Are the protective tariffs we have instituted (and the incentives we have built in) leading to undue emphasis on the use of capital, rather than our abundant labour resources?

Mr Speaker, Sir, it is not surprising in Malaysia that a large number of firms who have received protection on the ground of pioneer industries, make 50% or 100% or more profits every year. I can readily think of toothpaste, detergents and numerous other commodities, which are daily necessities to our people, where this must be the case. This has been possible because of the unnecessarily high levels of tariff protection we provide to these industries. Any relief to our consumers of these commodities must come, not primarily through taxes on these profits, but through drastic cuts on the level of protection and other subsidies we provide. Any measure to merely tax the profit margins, more often than not, will get passed on to the consumer

in the form of higher prices and in any case will not affect pioneer industries, whereas a reduction in the real level of tariff protection to the level that is necessary and effective, will have the benefit of both lower prices and a beneficial and rational use of our factor resources of capital, raw materials and labour.

I would urge the Honourable Ministers concerned to institute a systematic review of our present tariff levels and subsidies with these objectives in mind, a review which will ensure that in the administrative machinery, tariffs granted to any industry are reviewed regularly and periodically as part of a systematic campaign. The consumer will, as a result, also enjoy the benefit of a reasonable price for the commodities produced behind these tariff walls.

Mr Speaker, Sir, monetary and fiscal measures alone cannot deal completely with the issues involved in stagflation. Dealing with stagflation is as much a matter of attitudes, such as savings and sacrifices and management, as monetary and fiscal measures. The Budget Speech of the Honourable Minister of Finance did not devote as much attention to the management issues involved, but evidence of the Government's serious thinking on the real measures to fight the social and economic hardships of stagflation is apparent from numerous other statements. While we should all be happy if the outturn for 1975 is a price of rubber of 60 cents per pound and a real growth of the economy by 5%, I think we should be realistic enough to prepare to fare much worse. What is important is that these indices of general welfare really mask potentially serious hardships to a number of sectors of our economy and the people engaged for their living in these sectors.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Time is up. Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*